



**BAHAGIAN 5  
INFORMASI  
ORGANISASI**

## AHLI LEMBAGA



**DATO' ALIZATUL  
KHAIR OSMAN  
KHAIRUDDIN**




**TAN SRI  
WEE HOE SOON  
@ GOOI HOE  
SOON**



**DATUK DR. ZUNIKA  
MOHAMED**



**DATO' MOHAMMAD  
FAIZ AZMI**



**KEMAL RIZADI  
ARBI**



**DATUK DR.  
SHAHRAZAT  
HAJI AHMAD**



**DATUK NIK  
MOHD  
HASYUDEEN  
YUSOFF**

**Nota:**

- Barisan Ahli Lembaga Pengarah berkuat kuasa pada 31 Disember 2025.
- Datuk Dr. Shahrizat Haji Ahmad mengakhiri penggal sebagai Ahli Lembaga pada 14 Februari 2026.
- Tuan Kamal Azira Hassan (*tiada dalam gambar*) telah dilantik sebagai Ahli Lembaga berkuat kuasa 15 Februari 2026.
- Adnan Zaylani Mohamad Zahid (*tiada dalam gambar*) telah dilantik sebagai Ahli Lembaga berkuat kuasa 15 Februari 2026.



Imbas kod QR  
untuk maklumat lanjut  
mengenai  
Ahli Lembaga

## DATO' MOHAMMAD FAIZ AZMI

Dilantik 16 Jun 2024



**DATO' MOHAMMAD FAIZ AZMI** dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) pada Jun 2024 oleh Menteri Kewangan. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga SC pada Ogos 2023. Sebelum ini beliau berkhidmat sebagai Pengerusi PwC Malaysia selama 11 daripada 30 tahun bersama firma tersebut. Beliau mempunyai lebih 38 tahun pengalaman dalam perkhidmatan audit dan nasihat perniagaan di Malaysia dan UK. Beliau merupakan peneraju amalan PwC Global Islamic Finance Team dari 2007 hingga September 2012. Beliau juga merupakan Ketua Perkhidmatan Kewangan PwC Malaysia dan Ketua Audit Bersama dan pernah mengetuai sebahagian amalan ESG dan Pelaburan Syariah dalam Kemampanan dan Perubahan Iklim di Malaysia. Beliau telah bersara sebagai rakan kongsi dan Pengerusi Eksekutif PwC Malaysia pada Jun 2023.

## DATO' ALIZATUL KHAIR OSMAN KHAIRUDDIN

Dilantik 1 Januari 2019



**DATO' ALIZATUL KHAIR OSMAN KHAIRUDDIN** berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1976

Dato' Faiz telah menasihati kerajaan dalam bidang perakaunan akruan, penstrukturan semula kewangan dan penyiasatan, serta pernah bertindak sebagai pentadbir bagi beberapa entiti. Beliau juga terlibat dalam pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kerajaan Persekutuan.

Seorang Felo Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales (ICAEW) serta ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA), beliau pernah berkhidmat sebagai Presiden MIA, Pengerusi Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia dan Presiden Kuala Lumpur Business Club. Beliau merupakan ahli Majlis ICAEW yang dipilih dan telah dilantik sebagai Pengerusi ICAEW Malaysia Advisory Group. Beliau juga merupakan ahli Worshipful Company of Chartered Accountants England and Wales. Pada tahun 2024, Dato' Faiz telah dianugerahkan Keahlian Berkanun Kehormat oleh Chartered Institute of Islamic Finance Professionals.

Beliau mempelajari bidang undang-undang di Durham University, telah dipanggil ke Badan Peguam England (English Bar), dan memiliki Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang daripada University of Nottingham dan Durham University.

Beliau merupakan alumni Lincoln's Inn, ahli Inns of Court Malaysia dan, pada tahun 2025, telah dilantik sebagai Honorary Bencher bagi Honourable Society of the Inner Temple.

Beliau telah dikurniakan Darjah Kebesaran Sultan Sharafuddin Idris Shah (DSIS), yang membawa gelaran Dato', oleh Sultan Selangor pada tahun 2013. Pada tahun 2025, Dato' Faiz turut dinamakan sebagai CEO Champion bagi Sektor Awam di LIFE AT WORK Awards yang dianjurkan oleh Talent Corporation Malaysia Bhd.

dan Sarjana Undang-undang dari London School of Economics, University of London, UK, pada tahun 1982. Beliau berpengalaman luas dalam bidang perundangan dan kehakiman sejak 1976. Antara jawatan yang pernah disandangnya ialah Penasihat Undang-Undang Kementerian Pendidikan, Timbalan Ketua Bahagian Sivil Jabatan Peguam Negara dan Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang di Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang pada tahun 1995.

Dato' Alizatul Khair kemudiannya dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman di Mahkamah Tinggi Shah Alam (2003), Hakim di Mahkamah Tinggi Shah Alam (2004), Hakim di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (2008) dan Hakim Mahkamah Rayuan (2011).

Pada 2017, Dato' Alizatul Khair dilantik ke Mahkamah Persekutuan di mana beliau berkhidmat sehingga bersara pada 2019. Pada 18 Disember 2025, Dato' Alizatul telah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Utama Syariah Negeri Perak bagi tempoh tiga tahun.

## TAN SRI GOOI HOE SOON @ GOOI HOE SOON

Dilantik 1 Januari 2019



**TAN SRI GOOI HOE SOON** berpengalaman lebih dari 35 tahun dalam bidang perakaunan dan kewangan korporat. Beliau memainkan peranan penting dalam menjayakan pelaksanaan beberapa urusan korporat, termasuk pencantuman dan pemerolehan dan penstrukturan semula hutang korporat PLC.

Beliau merupakan ahli Panel Pelaburan KWSP dan kini menganggotai Lembaga Pengarah Yinson Holdings Bhd, JaGaSolution Bhd (dahulunya dikenali sebagai Red Ideas Holdings Bhd), Perusahaan Sadur Timah Malaysia (PERSTIMA) Bhd, AIA Bhd, Hydropipes Bhd dan LMS Compliance Ltd. Tan Sri Gooi ialah bekas Pengerusi Lembaga Pengarah EON Bank Bhd dari 2009 hingga 2012, Pengerusi Amity Bond Sdn Bhd dan Timbalan Pengerusi Avenue Capital Resources Bhd. Beliau juga mantan Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengarah Eksekutif-Urus Niaga Avenue Securities Sdn Bhd. Tan Sri Gooi merupakan ahli Persatuan Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia.

## DATUK DR. ZUNIKA MOHAMED

Dilantik 1 Jun 2020



Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), dalam pelbagai fungsi meliputi dasar dan perancangan strategik, pembangunan perniagaan dan pelaburan, pemodenan pertanian dan kerjasama antarabangsa. Beliau merupakan ahli ekonomi terlatih. Dalam jawatannya sekarang di Kementerian Ekonomi, beliau menerajui kerja-kerja penyediaan dan konseptualisasi Rancangan Malaysia ke-12, 2021-2025 dan ke-13, 2026-2030. Beliau juga bertanggungjawab mengawasi perumusan dasar nasional serta pembangunan program strategik dalam pelbagai sektor yang berkaitan dengan kesihatan, modal insan, perumahan, keseimbangan wilayah dan aspek sosioekonomi.

Beliau memiliki ijazah kedoktoran Ekonomi daripada Universiti Putra Malaysia, ijazah pascasiswazah ekonomi dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan sarjana muda ekonomi dari Universiti Texas, AS. Datuk Dr. Zunika juga mempunyai diploma Pentadbiran Awam dari Institut Pentadbiran Awam Negara (INTAN) Malaysia. Pada masa ini, beliau juga merupakan ahli beberapa lembaga badan berkanun kerajaan, iaitu Halal Development Corporation (HDC), Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), dan Permodalan Darul Ta'zim (PDT).

**DATUK DR. ZUNIKA MOHAMED** ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Ekonomi. Beliau menyertai perkhidmatan awam pada tahun 1994 dan menghabiskan sebahagian besar kerjayanya di Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri. Di EPU, beliau memegang pelbagai jawatan dan portfolio termasuk makroekonomi, pertanian dan perancangan infrastruktur serta pengedaran dan pembangunan wilayah. Pada penghujung 2018, beliau telah berkhidmat selama setahun di Kementerian

## KEMAL RIZADI ARBI

Dilantik 15 Januari 2024



**KEMAL RIZADI ARBI** mempunyai 30 tahun pengalaman di peringkat global dalam perkhidmatan kewangan dan sektor korporat yang terlibat dalam kewangan Islam, perbankan pelaburan, kewangan korporat, pengurusan dana, kewangan mampan, teknologi kewangan, aset maya, dan sebagai pengawal selia, pembuat dasar dan pemaju strategik pasaran modal termasuk pasaran modal Islam di rantau Timur Tengah dan Asia.

Beliau kini merupakan Penasihat kepada kerajaan Oman dan telah berkhidmat dengan Presiden Eksekutif dan Pejabat Naib Presiden di Pihak Berkuasa Pasaran Modal (Oman FSA) sejak 2013, yang mengawal selia dan membangunkan industri kewangan yang berkaitan dengan pasaran modal dan sektor insurans

(konvensional dan Islamik). Beliau telah terlibat dalam pembangunan pasaran modal Islam di Oman dari awal lagi sejak kewangan Islam diperkenalkan.

Sebelum menyertai Oman FSA, beliau telah mewujudkan inisiatif untuk pembangunan pasaran modal Malaysia dan ASEAN+3, termasuk pasaran modal Islam, melalui pelbagai jawatan kanan di SC. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Panel Temuduga Pelesenan Audit Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia.

Beliau juga telah menasihati Lembaga Pengarah PLC dalam pelbagai industri mengenai urus niaga korporat, ketika berkhidmat sebagai pegawai kanan korporat dan perbankan pelaburan di kumpulan Maybank dan sebuah bank pelaburan yang sebelum ini dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) Malaysia. Selain itu, beliau pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah sebuah syarikat pengurusan aset yang sebelum ini milik bersama Johor Corporation. Beliau telah dilantik sebagai Profesor Ikhtisas oleh Universiti INCEIF Malaysia, dan dipilih sebagai Presiden Institut Bertauliah Profesional Kewangan Islam (CIIF) di mana beliau adalah ahli bertauliah Felo (F.CPIF). Beliau juga merupakan Felo Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM) dan Felo Institut Pengurusan Malaysia, FMIM.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sains Aktuari dari University of Iowa, AS sebagai pemegang biasiswa JPA. Beliau juga memiliki Ijazah MBA (Kewangan) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan ijazah sarjana Profesional Kewangan Islam Bertauliah (CIIF) dari Universiti INCEIF Malaysia.

## DATUK DR. SHAHRAZAT HAJI AHMAD

Dilantik 15 Februari 2024



**DATUK DR. SHAHRAZAT HAJI AHMAD** kini merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) dengan Kementerian Kewangan (MOF).

Beliau memperoleh Diploma Lanjutan Perakaunan Institut Teknologi MARA (ITM) pada tahun 1993 dan kemudiannya memperoleh Ijazah Sarjana Sains Sosial dalam Ekonomi Antarabangsa dari Universiti Antarabangsa Jepun dan Ijazah Kedoktoran dalam bidang yang sama dari Universiti Kitakyushu, Jepun.

Datuk Dr. Shahrazat memulakan perkhidmatannya dengan kerajaan di MOF pada Januari 1995 di Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan. Mula-mula sebagai Penolong Setiausaha kemudian sebagai Ketua Penolong Setiausaha. Seterusnya pada April 2010, beliau menyertai Unit

**DATUK DR. SHAHRAZAT HAJI AHMAD** (bersambung)

Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri, di mana beliau berkhidmat selama 11 tahun sehingga November 2021. Beliau bermula dengan jawatan Timbalan Pengarah Bahagian Infrastruktur, sebelum dinaikkan pangkat sebagai Pengarah di beberapa bahagian yang berbeza seperti bahagian Ekonomi, Sosial dan Penilaian Hasil.

Datuk Dr. Shahrazat kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan, jawatan terakhir yang disandanginya di ICU, Jabatan Perdana Menteri sebelum ditukarkan ke Kementerian Pertahanan

pada November 2021. Beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan selama dua tahun sebelum dipindahkan ke MoF, dengan jawatan sekarang sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan). Beliau kini merupakan pengarah Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Kumpulan Wang Amanah Negara Malaysia (KWAN), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Telekom Malaysia Bhd. Beliau juga berkhidmat sebagai pengarah di syarikat swasta di bawah bidang kuasa MOF Inc.

**DATUK NIK MOHD HASYUDEEN YUSOFF**

Dilantik 15 Januari 2025

**DATUK NIK MOHD HASYUDEEN YUSOFF**

berpengalaman lebih daripada 30 tahun dalam bidang perakaunan dan pengawalseliaan; dan telah memegang jawatan kepimpinan di pelbagai organisasi. Beliau kini ahli lembaga, Lembaga Tabung

Haji, Petron Malaysia Refining and Marketing Bhd dan Bank Islam Malaysia Bhd. Sebelum ini, beliau adalah Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji, Pengarah Eksekutif SC yang bertanggungjawab ke atas Penyeliaan Pasaran dan Korporat serta Pengerusi Eksekutif Lembaga Pemantauan Audit.

Beliau juga pernah menjadi Presiden Institut Akauntan Malaysia dan ahli Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

Datuk Nik Hasyudeen juga merupakan Profesor Adjung di Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya.

Beliau adalah ahli Institut Akauntan Malaysia dan felo CPA Australia. Beliau memiliki ijazah dalam bidang Perniagaan dari Curtin University, Perth, Australia Barat.

## PASUKAN EKSEKUTIF

**MEHA  
KASBUN**

Pengarah  
Eksekutif  
Enterprise

**BUDIMAN  
LUTFI MOHAMED**

Pengarah  
Eksekutif  
Penguatkuasaan

**DR. WONG  
HUEI CHING**

Pengarah  
Eksekutif  
Strategi Digital  
dan Inovasi

**YEW YEE  
TEE**

Pengarah  
Eksekutif dan  
Ketua  
Kaunsel

**SHARIFATUL  
HANIZAH  
SAID ALI**

Pengarah  
Eksekutif  
Pasaran Modal  
Islam

**DATO'  
MOHAMMAD  
FAIZ AZMI**

Pengerusi

**DATIN PADUKA  
AZALINA ADHAM**

Pengarah  
Urusan

**DATO' ZAIN  
AZHARI MAZLAN**

Pengarah  
Eksekutif  
Kewangan  
Korporat  
dan Pelaburan

**ALEX OOI  
THIAM POH**

Pengarah  
Eksekutif  
dan Ketua  
Pemantauan  
Audit

**DATUK SERI ABDUL  
JALIL HAMID**





Penasihat Khas  
& Pejabat  
Pengerusi

**NEETASHA  
RAUF**

Ketua  
Pegawai  
Kemampuan

**SHHRUL AMRY  
ABD MALEK**

Pengarah  
Pembangunan  
Pasaran




**Nota:**

- Meha Kasbun dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Enterprise pada 1 Februari 2026.
- Shahrul Amry Abd Malek dilantik sebagai Pengarah, Pembangunan Pasaran pada 3 November 2025.
- Salmah Bee Mohd Mydin bersara sebagai Pengarah Eksekutif, Pembangunan Pasaran pada 31 Disember 2025.



Imbas kod QR  
untuk maklumat lanjut  
mengenai Direktori  
Pengurusan

# STRUKTUR ORGANISASI



## AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH



**PROFESSOR DATO'  
DR. AZNAN HASAN**  
Pengerusi



**PROFESSOR DR. ENSKU  
RABIAH ADAWIAH ENSKU ALI**  
Timbalan Pengerusi



**PROFESSOR DATO'  
DR. ASHRAF MD HASHIM**



**SAHIBUS SAMAAH  
PROFESSOR DATO' DR. ASMADI  
MOHAMED NAIM**



**ASSOCIATE PROFESSOR  
DR. MOHAMED FAIROOZ  
ABDUL KHIR**



**SAHIBUS SAMAAH  
DATO' SETIA  
DR. HAJI ANHAR HAJI OPIR**



**DR. MARJAN MUHAMMAD**



**ASSISTANT PROFESSOR  
DR. AKHTARZAITE  
HAJI ABDUL AZIZ**



**BURHANUDDIN LUKMAN**

# PENYATAAN TADBIR URUS

SC merupakan badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di bawah *Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 (SCMA)* untuk mengawal selia dan membangunkan pasaran modal Malaysia. Misi SC adalah untuk menggalakkan dan mengekalkan pasaran sekuriti dan derivatif yang adil, cekap dan telus serta memudahkan pembangunan teratur bagi pasaran modal yang inovatif dan berdaya saing. Ia komited untuk memastikan pelabur dilindungi, pasaran yang adil dan teratur, serta memantau, mengurangkan dan mengurus risiko sistemik yang muncul daripada pasaran modal. Tanggungjawab, kuasa dan bidang kuasa SC ditakrifkan dengan jelas dan digariskan dalam undang-undang sekuriti, iaitu *SCMA*, *Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007 (CMSA)* dan *Akta Industri Sekuriti (Depositari Pusat) 1991 (SICDA)*.

## MENGENAI SURUHANJAYA

### Ahli-ahli Lembaga

Lembaga bertanggungjawab atas keseluruhan tadbir urus Suruhanjaya. Menteri Kewangan melantik ahli-ahli Lembaga. Ahli-ahli Lembaga terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Ketua Eksekutif dan tujuh ahli lain termasuk individu-individu yang mewakili sektor kerajaan dan swasta. Pengerusi diamanahkan dengan pentadbiran harian SC sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen 4B(1) SCMA.

Dato' Mohammad Faiz Azmi telah dilantik sebagai Pengerusi SC pada 16 Jun 2024, berikutan pelantikan beliau sebagai ahli Lembaga 15 Ogos 2023. Profil ahli Lembaga dipaparkan di muka surat 166 hingga 171 dan penglibatan mereka dalam pelbagai jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga dinyatakan di muka surat 179.

Pengerusi dilantik untuk tempoh tiga tahun, dan layak untuk pelantikan semula setelah tamat tempoh perkhidmatannya. Ahli Lembaga lain pula dilantik untuk tempoh dua tahun dan layak untuk dilantik semula apabila tamat tempoh perkhidmatannya.

Individu yang memegang jawatan sepenuh masa dalam mana-mana PLC, menjadi ahli Dewan Rakyat atau/dan Dewan Negara atau menjadi pegawai atau pengarah kepada sesuatu entiti yang dikawal selia oleh

Suruhanjaya, adalah tidak layak memegang jawatan sebagai ahli lembaga. Seorang ahli lembaga juga tidak layak memegang jawatan sekiranya beliau:

- disabitkan atas kesalahan jenayah yang melibatkan penipuan, ketidakjujuran, rasuah atau keganasan;
- diisytiharkan muflis;
- tidak mampu melaksanakan tugasnya;
- gagal menghadiri tiga mesyuarat Lembaga berturut-turut tanpa kebenaran;
- berkelakuan dengan cara yang boleh menjejaskan maruah Suruhanjaya;
- gagal menzahirkan kepentingannya; atau
- terlibat dalam sebarang aktiviti yang mungkin mengganggu kebebasan beliau dalam menjalankan fungsi-fungsinya.

SCMA memerlukan seorang ahli Lembaga menguruskan konflik kepentingan dengan menzahirkan kepentingannya dalam sebarang perkara yang dibincangkan oleh Lembaga atau mana-mana jawatankuasa. Setelah penzahiran dibuat, beliau:

- tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam sebarang perbincangan atau keputusan Lembaga atau jawatankuasanya; dan
- akan diketepikan bagi tujuan membentuk kuorum Lembaga atau jawatankuasanya, berkaitan dengan perkara tersebut.

### Fungsi Suruhanjaya

Fungsi-fungsi Suruhanjaya adalah:

- Menasihati Menteri tentang semua perkara berkaitan dengan pasaran modal;
- Mengawal selia semua perkara berkaitan dengan pasaran modal;

- Memastikan peruntukan undang-undang sekuriti dipatuhi;
- Mengawal selia pengambilalihan dan percantuman syarikat;
- Menggalakkan dan mengawal selia semua perkara berkaitan dengan pengurusan dana, termasuk skim unit amanah dan PRS;
- Menyelia dan memantau aktiviti mana-mana syarikat pemegang bursa, bursa saham, rumah penjelasan bursa derivatif, dan depositori pusat;
- Mengambil semua langkah yang wajar untuk mengekalkan keyakinan pelabur dalam pasaran modal dengan memastikan perlindungan yang mencukupi untuk pelabur;
- Meningkatkan dan menggalakkan tatalaku yang betul dalam kalangan organisasi yang mengambil bahagian, peserta, badan gabungan, peserta depositori serta semua individu yang berlesen atau berdaftar di bursa, rumah penjelasan dan depositori pusat, yang mana berkenaan;
- Membasmi amalan tidak sah, tidak bermaruah dan tidak wajar dalam pasaran modal, dan pemberian nasihat pelaburan atau perkhidmatan lain berkaitan dengan pasaran modal;
- Mempertimbangkan dan membuat saranan bagi pembaharuan undang-undang sekuriti;
- Meningkatkan dan menggalakkan pembangunan pasaran modal di Malaysia termasuk penyelidikan dan latihan yang berkaitan;
- Menggalakkan dan meningkatkan kawal seliaan sendiri oleh persatuan profesional atau institusi pasaran dalam pasaran modal;
- Mengeluarkan lesen, mendaftar, memberi kebenaran, meluluskan dan menyelia semua individu yang terbabit dalam aktiviti yang dikawal selia atau menyediakan perkhidmatan pasaran modal sebagaimana yang termaktub di bawah mana-mana undang-undang sekuriti;
- Menggalakkan dan mengekalkan integriti semua individu berlesen, individu berdaftar, individu yang diluluskan dan peserta dalam pasaran modal;
- Mendaftarkan atau mengiktiraf semua juruaudit entiti kepentingan awam (PIE) atau kumpulan wang jadual dan menjalankan pemantauan ke

atas mana-mana individu yang menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan PIE atau kumpulan wang jadual, berhubung dengan aktiviti pasaran modal;

- Meningkatkan keyakinan dalam kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit di Malaysia, dan menggalakkan dan membangunkan rangka kerja pemantauan audit yang berkesan dan kukuh di Malaysia;
- Mengambil semua langkah munasabah untuk memantau, mengurangkan dan menguruskan risiko sistemik yang timbul daripada pasaran modal;
- Menggalakkan dan mengawal selia tadbir urus korporat dan piawaian perakaunan yang diluluskan bagi syarikat-syarikat tersenarai; dan
- Menetapkan dan meluluskan standard kelayakan profesional bagi pasaran modal

Suruhanjaya juga mempunyai fungsi dan kuasa yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah undang-undang sekuriti.

### Mesyuarat Lembaga

Sebanyak 11 mesyuarat Lembaga telah diadakan pada tahun 2025. Korum yang diperlukan ialah lima. Rekod kehadiran mesyuarat dinyatakan dalam Jadual 1.

Kerja-kerja Lembaga dalam mentadbir urus SC dimudahcarakan oleh pelbagai jawatankuasa Lembaga yang ditubuhkan di bawah seksyen 18 SCMA, seperti yang disenaraikan dalam Jadual 2.

**JADUAL 1**  
Kehadiran di Mesyuarat Lembaga

Ahli Lembaga	Bilangan mesyuarat yang dihadiri
Dato' Mohammad Faiz Azmi	11/11
Tan Sri Gooi Hoe Soon	10/11
Datuk Dr. Zunika Mohamed	8/11
Dato' Alizatul Khair Osman Khairuddin	11/11
Kemal Rizadi Arbi	11/11
Datuk Dr Shahrazat Ahmad	8/11
Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff <sup>1</sup>	10/11

Nota:

<sup>1</sup> Dilantik sebagai ahli Lembaga pada 15 Januari 2025.

## JAWATANKUASA AUDIT DAN RISIKO

Jawatankuasa Audit dan Risiko (ARC) terdiri daripada ahli bukan eksekutif SC yang dilantik oleh Lembaga seperti dinyatakan dalam Jadual 2. Tujuan, kuasa dan tanggungjawab ARC dinyatakan dalam Piagam Jawatankuasa Audit dan Risiko sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga. Pada asasnya, ARC menyediakan pengawasan terhadap tadbir urus, pengurusan risiko dan amalan kawalan dalaman SC.

Jawatankuasa Audit dan Risiko berperanan memantau fungsi audit dalaman, termasuk menyemak hasil audit dan meluluskan rancangan audit dalaman tahunan.

ARC menyemak kesesuaian, kebebasan dan prestasi juruaudit luar dan membuat cadangan kepada ahli Lembaga bukan eksekutif bebas untuk pelantikan/pelantikan semula tahunan juruaudit luar. ARC juga bertanggungjawab untuk menyemak cadangan skop audit, pendekatan audit, uran audit dan hasil audit

### JADUAL 2

#### Jawatankuasa Lembaga

Jawatankuasa	Tanggungjawab Utama	Ahli Lembaga
1. Jawatankuasa Audit dan Risiko (ARC)	Menyemak keberkesanan sistem tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman SC dan menyemak penyata kewangan tahunan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tan Sri Gooi Hoe Soon (Pengerusi)</li> <li>Datuk Dr. Zunika Mohamed</li> <li>Dato' Alizatul Khair Osman Khairuddin</li> <li>Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff<sup>1</sup></li> </ul>
2. Jawatankuasa Terbitan	Menyemak dan membuat keputusan mengenai penyenaian syarikat utama dan perniagaan amanah di Pasaran Utama; pemerolehan aset yang mengakibatkan perubahan besar dalam hala tuju atau dasar sesebuah syarikat atau amanah perniagaan yang tersenarai di Pasaran Utama; dan penyenaian sekunder atau penyenaian silang syarikat asing atau amanah perniagaan asing di Pasaran Utama.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dato' Mohammad Faiz Azmi (Pengerusi)</li> <li>Tan Sri Gooi Hoe Soon</li> <li>Dato' Alizatul Khair Osman Khairuddin</li> <li>Datuk Dr Shahrazat Ahmad</li> <li>Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff<sup>1</sup></li> </ul>
3. Jawatankuasa Pengambilalihan dan Percantuman (TOM)	Menyemak permohonan pengambilalihan dan percantuman yang bersifat khusus dan/atau kompleks serta perkara yang berkaitan dengan dasar negara.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dato' Mohammad Faiz Azmi (Pengerusi)</li> <li>Kemal Rizadi Arbi</li> <li>Datuk Dr Shahrazat Ahmad</li> <li>Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff<sup>1</sup></li> </ul>
4. Jawatankuasa Pelesenan	Menyemak dan membuat keputusan berkenaan permohonan bagi pemberian Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSL) yang baharu, permohonan wakil niaga berlesen baharu, pelantikan pengarah, pengurusan utama atau pegawai pematuhan yang dikemukakan bersama dengan permohonan CMSL baharu, dan mempertimbangkan sebarang cadangan dasar yang berkaitan dengan isu-isu pelesenan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dato' Mohammad Faiz Azmi (Pengerusi)</li> <li>Dr. Zunika Mohamed</li> <li>Kemal Rizadi Arbi</li> </ul>
5. Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran (NRC)	Menilai dan merumuskan ganjaran bagi Pengerusi dan Timbalan Ketua Eksekutif (DCE) serta membuat cadangan yang sewajarnya kepada Menteri Kewangan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tan Sri Gooi Hoe Soon (Pengerusi)</li> <li>Dr. Zunika Mohamed</li> <li>Dato' Alizatul Khair Osman Khairuddin</li> </ul>
6. Jawatankuasa Kemampanan	Melaksanakan pengawasan ke atas perumusan kedudukan dasar dalaman SC serta kedudukan dasar untuk mengawal selia dan membangunkan pasaran modal berhubung kemampanan dan strategi berkaitan ESG.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dato' Mohammad Faiz Azmi (Pengerusi)</li> <li>Tan Sri Gooi Hoe Soon</li> <li>Datuk Dr. Zunika Mohamed</li> </ul>
7. Jawatankuasa Strategi dan Nasihat Kawal Selia (RSAC) <sup>2</sup>	Memberi nasihat (Nasihat) holistik dan strategik kepada Pengerusi SC dan Lembaga Pengarah SC mengenai landskap kawal selia merentasi pelbagai fungsi urusan SC termasuk kumpulan urusan seperti Pemantauan, Kebenaran dan Pengawasan; Pejabat Ketua Kaunsel dan Penguatkuasaan (kumpulan urusan yang berkaitan).	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dato' Alizatul Khair Osman Khairuddin (Pengerusi)</li> <li>Dato' Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood</li> <li>Dato' Ishak Mohd Yusoff</li> </ul>

Nota:

<sup>1</sup> Dilantik sebagai ahli Lembaga pada 15 Januari 2025.

<sup>2</sup> Pada Jun 2025, RSAC menyempurnakan mandatnya dan telah dibubarkan.

juruaudit luar, termasuk menyemak semua perkara penting berkaitan penyata kewangan dengan Pengurusan dan juruaudit luar. Bagi tahun kewangan 2025, ARC telah bermesyuarat sebanyak enam kali.

### MAJLIS PENASIHAT SYARIAH

Majlis Penasihat Syariah (MPS) diberikan mandat untuk memastikan pelaksanaan prinsip Syariah bagi sebarang hal berkaitan ICM dan memainkan peranan penting dalam pembangunan ICM di Malaysia. Ia menasihati Suruhanjaya dalam semua perkara berkaitan dengan ICM dan mengeluarkan peraturan mengenai ICM yang diterbitkan demi manfaat industri. Sembilan ahli MPS seperti yang disenaraikan dalam Jadual 3, berkhidmat selama tiga tahun bermula dari 1 Julai 2023, sebagaimana yang diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen 31ZK SCMA.

**JADUAL 3**  
Ahli Majlis Penasihat Syariah

Ahli MPS
1. Profesor Dato’ Dr. Aznan Hasan (Pengerusi)
2. Profesor Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali (Timbalan Pengerusi)
3. Profesor Dato’ Dr. Ashraf Md Hashim
4. Sahibus Samahah Profesor Dato’ Dr. Asmadi Mohamed Naim
5. Profesor Madya Dr. Mohamed Fairouz Abdul Khir
6. Sahibus Samahah Dato’ Setia Dr. Haji Anhar Haji Opir
7. Dr. Marjan Muhammad
8. Penolong Profesor Dr. Akhtarzaite Haji Abdul Aziz
9. Burhanuddin Lukman

### LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT

Lembaga Pemantauan Audit (AOB) telah ditubuhkan di bawah Bahagian IIIA SCMA dan mandatnya adalah untuk membantu SC melaksanakan fungsi pengawalseliaannya berkaitan dengan pembangunan rangka kerja pemantauan audit yang berkesan, menggalakkan keyakinan dalam kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit, dan mengawal selia juruaudit PIE dan kumpulan wang jadual.

AOB juga menjalankan pemantauan ke atas individu yang menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan PIE dan kumpulan wang jadual, berkaitan dengan aktiviti pasaran modal. Ahli-ahli AOB dilantik oleh Lembaga (Jadual 4).

**JADUAL 4**  
Ahli Lembaga Pemantauan Audit

Ahli AOB
1. Dato’ Seri Ahmad Johan Mohammad Raslan <sup>1</sup>
2. Tan Sri Abu Samah Nordin <sup>2</sup>
3. Alex Ooi Thiam Poh
4. Salmah Bee Mohd Mydin
5. Hong Chin Pheng
6. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz
7. YM Tunku Afwida binti Tunku Abdul Malek <sup>3</sup>
8. Dato’ Noorazman Abd Aziz <sup>4</sup>
9. Seri Izriana Melani Mohtar <sup>5</sup>

Nota:

- <sup>1</sup> Penetapan semula sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif pada 5 Januari 2026.
- <sup>2</sup> Menamatkan tempoh khidmat sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif pada 4 Januari 2026.
- <sup>3</sup> Dilantik pada 1 Ogos 2025.
- <sup>4</sup> Bersara pada 31 Julai 2025.
- <sup>5</sup> Dilantik pada 6 Februari 2026.

## PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

### Tanggungjawab Lembaga dan Pihak Pengurusan

Lembaga Suruhanjaya menyedari tanggungjawabnya untuk mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang teguh dan berkesan untuk melindungi integriti, aset dan reputasi SC. Sistem tersebut direka bentuk untuk menangani risiko yang berupaya menghalang SC mencapai objektif strategik dan operasi, namun pada masa yang sama menyedari ia tidak boleh menghapuskan risiko sama sekali. Sehubungan itu, sistem tersebut memberikan jaminan yang munasabah, walaupun tidak mutlak terhadap salah nyata material, kerugian atau kegagalan.

Menurut Seksyen 4(3)(c) SCMA, Lembaga Suruhanjaya memikul tanggungjawab sepenuhnya untuk menetapkan, menyemak dan mengekalkan sistem dan proses yang berkesan untuk mengurus risiko perusahaan di seluruh organisasi.

Untuk melaksanakan tanggungjawab tadbir urusnya, Lembaga Pengarah terus memastikan bahawa SC melaksanakan peranan kawal selianya dengan berkesan, bebas dan demi kepentingan awam. Pada tahun itu, antara yang lain, Lembaga Pengarah telah meluluskan peningkatan rangka kerja tadbir urus untuk mengukuhkan pemantauan terhadap perkara berkaitan penguatkuasaan seperti kes tiada tindakan lanjut oleh pihak pengurusan dan dasar pengendalian pengaruh luar.


Di samping itu, Lembaga Pengarah mengekalkan pemantauan terhadap rangka kerja pemberian maklumat (termasuk terhadap SC dan kakitangan SC), memastikan perkara tersebut ditangani secara objektif, dipertingkatkan dengan sewajarnya dan ditangani tanpa pengaruh yang tidak wajar. Langkah-langkah ini mengukuhkan kerangka tadbir urus teguh SC dan komitmennya terhadap ketelusan, akauntabiliti dan integriti kawal selia.

Bagi menangani potensi konflik yang timbul daripada pelantikan juruaudit luar oleh SC yang dikawal selia oleh AOB, Lembaga memastikan kebebasan, integriti, dan ketelusan terpelihara melalui pemisahan tadbir urus yang jelas antara Pengurusan SC dengan pihak berkuasa pembuat keputusan muktamad. Pemantauan terhadap prestasi dan pelantikan juruaudit dilaksanakan oleh ARC, yang terdiri daripada ahli Lembaga Pengarah bukan eksekutif, yang menceburi penilaian bebas berasingan daripada input Pengurusan SC. Kelulusan akhir terletak pada ahli Lembaga Pengarah bukan eksekutif, lantas memastikan bahawa Pengurusan SC tidak mempunyai pengaruh ke atas pelantikan juruaudit luaran termasuk mereka yang berdaftar dengan AOB.

Untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut, Lembaga Suruhanjaya menetap hala tuju dan memantau melalui ARC seperti yang dinyatakan dalam Rajah 1. Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC) yang terdiri dari pengurusan kanan, membantu Lembaga dengan memastikan bahawa rangka kerja pengurusan risiko dan dasar kawalan dalaman kekal teguh, komprehensif dan responsif terhadap situasi yang sentiasa berubah.

ARC menjalankan pemantauan yang berstruktur dan sistematik terhadap tadbir urus, pengurusan risiko dan

**RAJAH 1**  
Struktur Tadbir Urus Risiko Dalam SC



amalan kawalan dalaman, manakala RMC, yang terdiri daripada pengurusan kanan SC, menyelia pelaksanaan rangka kerja pengurusan risiko organisasi SC, memastikan risiko dikenal pasti, dinilai, dipantau dan diuruskan sejajar dengan kesediaan menanggung risiko yang diluluskan oleh organisasi.

Pengurusan SC bertanggungjawab terhadap pelaksanaan rangka kerja yang berkesan dan menyemai budaya peka risiko yang teguh di seluruh organisasi. Ia memastikan bahawa dasar, prosedur dan langkah-langkah kawalan yang wajar diwujudkan dan tindakan pembaikan dilaksanakan segera sebaik sahaja sebarang kelemahan atau kerentanan dikenal pasti.

### Struktur Tadbir Urus Risiko


Struktur tadbir urus SC disokong oleh model Tiga Barisan Pertahanan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2, yang dengan jelas menggariskan tanggungjawab untuk mengurus dan memantau risiko. Barisan pertahanan pertama terdiri daripada pemilik risiko, pegawai risiko, kumpulan perniagaan dan jabatan barisan yang memiliki dan mengurus risiko dalam operasi harian mereka. Barisan pertahanan kedua terdiri daripada fungsi pengawasan dan tadbir urus termasuk fungsi Pengurusan Risiko dan Integriti dan Pematuhan. Barisan pertahanan kedua memantau pematuhan

terhadap dasar, prosedur risiko dan kesediaan menanggung risiko yang ditetapkan oleh SC. Barisan pertahanan ketiga, yang diwakili oleh Jabatan Audit Dalaman, menyediakan jaminan bebas mengenai kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman.

Struktur tadbir urus risiko SC direka bentuk untuk menyediakan garis akauntabiliti yang jelas dan memastikan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman dipantau dengan berkesan. Di peringkat tertinggi, Lembaga Suruhanjaya menentukan hala tuju strategik, menetapkan nada untuk amalan pengurusan risiko yang kukuh dan memastikan sistem dan kawalan yang sesuai diwujudkan dan dilaksanakan. ARC memainkan peranan penting dalam menyemak kecukupan dan keberkesanan sistem ini.

Pengurusan RMC memastikan aktiviti pengurusan risiko harian diselaraskan dengan betul dan sejajar dengan objektif SC. RMC disokong oleh jawatankuasa peringkat pengurusan yang bertanggungjawab memantau kecukupan proses pengurusan risiko organisasi SC, termasuk pengenalpastian, penilaian, pengurangan dan pelaporan risiko kewangan dan bukan kewangan. Jawatankuasa-jawatankuasa ini menyediakan kemas kini berkala kepada RMC, yang seterusnya melapor kepada ARC dan Lembaga.

**RAJAH 2**  
Model Tiga Barisan Pertahanan



Pendekatan tadbir urus dan pemantauan SC berlandaskan model Tiga Barisan Pertahanan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2, yang menetapkan peranan dan tanggungjawab yang jelas di seluruh organisasi:

- Barisan Pertahanan Pertama – Pemilikan Risiko:** Terdiri daripada pemilik risiko, pegawai risiko dan kumpulan perniagaan yang bertanggungjawab secara langsung untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko dalam operasi harian mereka. Mereka memastikan kawalan dalaman digunakan dengan betul dan risiko diuruskan dari puncanya. Risiko mereka dilaporkan kepada Barisan Pertahanan Kedua untuk semakan.
- Barisan Pertahanan Kedua – Pemantauan Risiko dan Pematuhan:** Terdiri daripada fungsi Pengurusan Risiko, Integriti dan Pematuhan, yang melaksanakan pengawasan, memberi panduan dan cabaran kepada barisan pertama. Barisan ini membangunkan dasar risiko, memudahcara proses penilaian risiko dan memastikan pematuhan terhadap keperluan tadbir urus dan kawal selia yang ditetapkan. Barisan ini akan melaporkan pendedahan risiko kepada pihak pengurusan dan Lembaga.
- Barisan Pertahanan Ketiga – Jaminan Audit:** Mewakili jaminan bebas yang diberikan oleh Jabatan Audit Dalaman, yang menilai kecukupan dan keberkesanan barisan pertahanan pertama dan kedua. Ia melapor terus kepada ARC, untuk memastikan penilaiannya adalah bebas dan objektif.

Model ini memastikan bahawa proses pengurusan risiko dan kawalan dalaman adalah teguh, telus dan bersepadu di seluruh organisasi, menyokong pembuatan keputusan termaklum dan memelihara mandat SC.

### Kesediaan Menanggung Risiko

Kesediaan menanggung risiko SC yang diluluskan oleh RMC, menggariskan tahap, dan jenis risiko yang sanggup dan mampu diterima oleh organisasi dalam usaha mencapai matlamat strategiknya. Ia berfungsi sebagai rangka kerja panduan untuk semua keputusan dan aktiviti utama, memastikan penerimaan risiko kekal selari dengan mandat dan nilai SC.

Penyataan ini disemak setiap tahun untuk memastikan ia kekal relevan, dengan mengambil kira perubahan

dalam persekitaran dalaman dan luaran. Ia menetapkan tahap toleransi untuk pendedahan kewangan dan bukan kewangan, yang membolehkan SC mengekalkan keseimbangan yang sesuai antara penerimaan risiko dan pengurangan risiko.

SC mengekalkan pendekatan yang berhemat dan terukur terhadap risiko, kekal berhati-hati dalam bidang yang boleh menjejaskan tadbir urus, integriti kewangan atau keyakinan pihak berkepentingan, di samping menyokong peluang yang berupaya meningkatkan kecekapan, inovasi dan pembangunan pasaran modal.


**RAJAH 3**  
Pernyataan Kesediaan Menanggung Risiko Organisasi SC



### Rangka Kerja Pengurusan Risiko

Rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi SC (ERM), seperti yang dipamerkan dalam Rajah 4, membentuk asas struktur tadbir urus risikonya. Dibangunkan menurut Garis Panduan dan Prinsip Pengurusan Risiko ISO 31000:2018, rangka kerja tersebut memastikan pendekatan yang sistematik dan konsisten untuk mengenal pasti, menilai, mengurangi dan memantau risiko kewangan dan bukan kewangan di seluruh organisasi.

**RAJAH 4**  
Rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi SC



Rangka kerja ini disokong oleh *Dasar Pengurusan Risiko Organisasi* dan *Prosedur Operasi Standard (SOP)*, yang menetapkan dengan jelas akauntabiliti mengenai pemilikan risiko bagi setiap peringkat. Proses pengurusan risiko memerlukan risiko baru muncul yang boleh menggugat keupayaan SC untuk mencapai mandatnya dikenalpasti dan dinilai secara berterusan. Setiap jabatan mengekalkan dan menyemak daftar risikonya secara berkala untuk memastikan ketepatan, kesempurnaan dan integriti.

Rangka kerja tersebut menggalakkan kesedaran risiko yang proaktif dan pembuatan keputusan termaklum di semua peringkat. Ia memastikan pengurusan risiko kekal sebagai satu proses yang berterusan dan adaptif seiring dengan perubahan dalam persekitaran kawal selia, teknologi dan ekonomi.

## Risiko Baru Muncul

Dalam persekitaran dinamik hari ini, organisasi yang bergantung kepada inovasi dan beroperasi dalam landskap yang saling berkait amat terdedah kepada risiko baharu. Risiko yang baru muncul sering ditandakan oleh ketidakpastian dalam kemungkinan dan potensi kesannya terhadap operasi urusan.

Untuk memastikan ia kekal berdaya tahan, SC mengamalkan pendekatan yang berpandangan ke hadapan dalam menguruskan risiko dengan memantau risiko yang muncul ini secara aktif, walaupun ia mungkin tidak menimbulkan sebarang ancaman segera. Dalam tahun 2025, teknologi dan perkembangan berkaitan data masih merupakan ciri utama dalam landskap risiko baru muncul. Begitu juga, kami juga mengekalkan tumpuan khusus terhadap risiko dan peluang berkaitan kemampuan, dengan mengintegrasikan pertimbangan ini ke dalam proses pengurusan risiko. Ancaman keselamatan siber yang semakin meningkat, potensi keusangan sistem dan peningkatan pergantungan pada infrastruktur digital menggariskan kepentingan mengekalkan kawalan yang teguh dan operasi berdaya tahan. Peningkatan dalam penggunaan automasi dan alat berasaskan AI juga melahirkan satu kebergantungan baharu yang memerlukan mekanisme tadbir urus dan jaminan data yang diperkukuh. Untuk menangani perkara ini, SC terus memperkukuh perlindungan teknologi dan keselamatan sibernya, meningkatkan keupayaan pemantauan masa nyata dan memastikan inovasi dijalankan secara bertanggungjawab dengan ketelusan dan akauntabiliti.

**RAJAH 5**  
Proses pengenalanpastian risiko baru muncul



Proses kawalan dalaman yang mantap menyokong pengenalanpastian dan penilaian tahunan risiko yang muncul. Ini melibatkan analisis data daripada penunjuk risiko utama, libat urus dengan pegawai risiko dan pihak berkepentingan yang berkaitan dan menjalankan imbasan persekitaran untuk mengesan trend baharu. Cerapan daripada proses ini membentuk prospek risiko SC, yang seterusnya membekal maklumat untuk perancangan perniagaan dan pembuatan keputusan strategik.

Pengenalanpastian awal risiko yang muncul membolehkan SC membangunkan strategi mitigasi dan tindak balas proaktif, seperti yang digambarkan dalam Rajah 5.

## Tadbir urus, Integriti dan Inisiatif Pencegahan Rasuah

### Kawalan Dalam

Sistem kawalan dalaman SC dibentuk untuk memastikan keberkesanan operasi, pelaporan kewangan dan pengurusan yang boleh dipercayai serta pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan dasar dalaman. Kawalan ini merangkumi kedua-dua bidang kewangan dan bukan kewangan dan disepadukan ke dalam proses operasi dan pembuatan keputusan SC.

Persekitaran kawalan dalaman dibina berdasarkan piawaian etika, akauntabiliti dan profesionalisme yang kukuh. Dasar dan prosedur yang mengawal fungsi utama seperti pengurusan kewangan, perolehan, modal insan dan tadbir urus maklumat, menyediakan hala tuju dan pengawasan yang jelas.

Tambahan pula, *Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi (OACP) 2024-2026* SC dibangunkan dengan pelbagai inisiatif untuk menangani isu-isu organisasi berkaitan tadbir urus, integriti dan rasuah. Jawatankuasa Tatakelola SC (SC JTK) meluluskan OACP SC dan berfungsi sebagai platform untuk menangani isu-isu organisasi berkaitan tadbir urus, integriti dan langkah-langkah pencegahan rasuah. Inisiatif SC OACP 2024 – 2026 dipantau dengan teliti dan dilaporkan kepada JTK SC untuk memastikan penyampaian tepat pada masanya dan mengekalkan akauntabiliti terhadap hasilnya. Antara lain, inisiatif tersebut adalah:

- Semakan struktur organisasi terhadap konflik fungsi dalam Kumpulan Perniagaan terpilih telah dilaksanakan untuk menambah baik pengasingan fungsi. Inisiatif ini mengenal pasti penstrukturan semula Kumpulan Perniagaan dalam SC dengan penyusunan fungsi/jabatan untuk mencapai kebebasan dalam fungsi yang dilaksanakan.
- Budaya integriti, ketelusan dan akauntabiliti merupakan asas nilai organisasi SC. Bagi mencapai budaya ini, adalah penting untuk mewujudkan saluran yang selamat bagi pekerja dan pihak berkepentingan luar untuk mengemukakan kebimbangan serta melaporkan dengan niat baik sebarang salah laku. Dasar dan Prosedur Pemberian Maklumat telah dipinda untuk mencapai rangka kerja yang lebih terbuka dan berpusat bagi pihak yang berkenaan untuk mengetengahkan sebarang kebimbangan yang berkaitan dengan kelakuan tidak wajar pekerja SC atau mengenai SC sebagai sebuah organisasi.

- Dasar Pengendalian Pengaruh Luar telah diwujudkan untuk menetapkan pendekatan dalam mengurus pengaruh luar bagi melindungi kebebasan dan kesaksamaan SC dalam melaksanakan tanggungjawab berkanunnya. SC tidak tunduk kepada pengaruh luar dalam pelaksanaan mandatnya. Semua fungsi kawal selia dan pembangunan mesti dijalankan bebas daripada campur tangan yang tidak wajar, dengan keputusan dibuat berdasarkan penilaian yang bebas dan objektif.
- Berikutan penubuhan e-perolehan untuk pembelian terpilih dan Unit Pengurusan Vendor berpusat, pada tahun 2025, SC memperkukuh tadbir urus perolehannya melalui pemusatan aktiviti penyumberan di bawah Jabatan Perolehan dan Perkhidmatan Pejabat, yang kini berfungsi sebagai titik hubungan tunggal untuk semua perkara berkaitan perolehan. Inisiatif ini meningkatkan ketelusan, konsistensi dan kebertanggungjawaban dalam proses perolehan serta menggalakkan kecekapan, keberkesanan kos dan pengurangan risiko. Jabatan ini juga telah memulakan analisis perbelanjaan untuk mengenal pasti peluang untuk penyatuan dan penciptaan nilai jangka panjang.
- Dasar Pencegahan Rasuah dan Sogokan (ABC) SC sedang dibangunkan untuk menyediakan pendekatan yang lebih berstruktur dan tertumpu dalam mengurus risiko sogokan dan rasuah, memastikan piawaian tatalaku beretika yang konsisten merentasi semua operasi dalam SC. Dasar ini mewakili komitmen teguh SC untuk memastikan penerapan piawaian etika, integriti, akauntabiliti dan dasar toleransi sifar terhadap rasuah di seluruh organisasi.
- Matriks autoriti sedang disemak semula untuk memastikan keberkaitan. Pengagihan autoriti menggariskan peranan, tanggungjawab dan had kelulusan di seluruh organisasi untuk memastikan pengasingan tugas dan pembuatan keputusan yang berkesan.

SC juga mempertingkatkan persekitaran kawalan dalamannya melalui tadbir urus teknologi dan keselamatan siber yang diperkukuh. Pemantauan sistem proaktif, naik taraf infrastruktur dan langkah-langkah daya tahan operasi yang dipertingkatkan telah dilaksanakan untuk melindungi sistem kritikal, memperkukuh pertahanan terhadap ancaman yang berkembang dan memastikan kesinambungan operasi. Rangka Kerja Tadbir Urus Data Organisasi SC terus membimbing

kualiti dan pematuhan data, sambil membolehkan penyepaduan keupayaan dipacu AI merentasi fungsi kawal selia dan penyeliaan. Secara kolektif, perkembangan ini memastikan bahawa inovasi teknologi diterapkan dalam organisasi dengan perlindungan, ketelusan dan akauntabiliti yang teguh.

Dasar Kebenaran Penzahiran Maklumat mengawal selia penzahiran maklumat penting bukan awam kepada pihak luar. Sebarang permintaan untuk penzahiran dirujuk kepada Jawatankuasa Khas yang terdiri daripada ahli pengurusan kanan SC untuk pertimbangan dan keputusan.

### **Pengukuhan Budaya Integriti dan Pematuhan**

Memupuk budaya integriti dan pematuhan adalah penting untuk mengekalkan reputasi SC sebagai organisasi yang boleh dipercayai. SC menyedari bahawa selain dasar dan prosedur yang jelas dan kepimpinan yang kukuh, mengekalkan budaya integriti dan pematuhan memerlukan pendidikan mengenai pematuhan dan etika dilaksanakan secara berterusan.

Contohnya ialah program Pematuhan dan Etika yang dijalankan setiap dua tahun sekali dengan tumpuan terhadap rangka kerja tadbir urus, Kod Tatalaku dan dasar serta prosedur penzahiran maklumat SC. Program mandatori ini dijalankan pada tahun ini dan berfungsi untuk memperkukuh pemahaman pekerja SC tentang nilai integriti dan menggalakkan tingkah laku bertanggungjawab di seluruh SC.

Program latihan mandatori tersebut yang dimulakan pada tahun 2024 hingga 2025 untuk membina kesedaran dan pemahaman tentang kepentingan tadbir urus, integriti dan pencegahan rasuah hampir selesai.

Sesi perbincangan umum townhall SC yang dijalankan secara berkala telah membantu menggalakkan ketelusan dan penjarangan dengan inisiatif dan nilai strategik SC.

Peringatan lain dihantar secara berkala kepada warga kerja SC, memberi peringatan mengenai kepentingan mengisytihar konflik kepentingan yang tepat masa dan kepentingan melindungi maklumat sensitif atau sulit.

### **Daya Tahan Operasi**

SC kekal komited sepenuhnya untuk memperkukuh daya tahan organisasi melalui pelaksanaan *Dasar Pengurusan Kesenambungan Perniagaan* (BCM) yang

komprehensif dan *Prosedur Operasi Standard*, selaras dengan keperluan *Sistem Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCMS) ISO 22301:2019 Keselamatan dan Daya Tahan*. Ini mencerminkan usaha berterusan organisasi untuk memastikan kemampunan operasinya, walaupun berlaku krisis atau gangguan.

Program BCM tahunan dijalankan untuk meningkatkan kesedaran, latihan, semakan dan pengesahan kecekapan dan keberkesanan rangka kerja BCM. Hasil program ini dilaporkan kepada RMC untuk pengawasan dan semakan.

### **Pengurusan Krisis**

Pengurusan krisis merupakan bahagian penting dalam rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi SC, memastikan kesiapsiagaan dan daya tahan dalam menghadapi peristiwa yang tidak dijangka. Dasar Pengurusan Krisis dan *Prosedur Operasi Standard* disediakan untuk membolehkan pengenalan, penilaian dan tindak balas segera terhadap krisis, sekali gus meminimumkan gangguan terhadap operasi dan melindungi kepentingan pihak berkepentingan.

Pelan pengurusan krisis sentiasa disemak dan diperhalusi untuk menangani risiko yang baru muncul, membolehkan SC bertindak balas dengan pantas dan berkesan terhadap sebarang krisis. Komunikasi proaktif dan tindakan tegas kekal penting dalam mengekalkan kestabilan dan melindungi keutamaan strategik.

## **AUDIT DALAMAN**

Jabatan Audit Dalaman (IAD) SC membantu ARC dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. IAD melaporkan terus kepada ARC, yang menentukan kecukupan skop dan fungsi jabatan seperti yang ditetapkan dalam Piagam Audit Dalam. IAD mencapai objektifnya untuk mengukuhkan keupayaan SC untuk membina, melindungi dan mengekalkan nilai dengan memberi jaminan, nasihat, pandangan dan pandangan jauh yang bebas, berasaskan risiko dan objektif kepada Lembaga/ARC dan Pengurusan.

IAD menjalankan tanggungjawab dengan menjalankan semakan berdasarkan Pelan Audit Tahunan seperti yang diluluskan oleh ARC dan Piawaian Audit Dalaman Global seperti yang dikeluarkan oleh Institut Juruaudit Dalaman

Pelan Audit Tahunan 2025 dibangunkan dengan mempertimbangkan risiko utama dan risiko baru

muncul organisasi, bersama-sama dengan objektif strategik SC. Semasa membangunkan Pelan Audit Tahunan, IAD mengambilkira pandangan daripada semua pihak berkepentingan, termasuk jabatan barisan terpilih dan Pengurusan Kanan serta ARC, yang membantu membentuk keutamaan audit dan skop liputan.

Aktiviti utama IAD bagi tahun 2025 termasuk melaksanakan audit berasaskan risiko bagi bidang yang dikenal pasti dalam Rancangan Audit Tahunan. IAD juga melakukan semakan ad-hoc bebas atas permintaan pihak Pengurusan. Keputusan audit dan aktiviti yang dilaksanakan oleh IAD telah dibentangkan kepada ARC untuk semakan dan pertimbangan. Di mana berkenaan, IAD menjalankan siasatan susulan untuk memastikan bahawa tindakan pembetulan Pengurusan telah dilaksanakan dengan sewajarnya dan status kemajuan telah dikemas kini kepada ARC. Di samping itu, IAD juga berperanan sebagai penasihat dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

IAD juga telah menyemak Piagam Audit Dalaman bagi memastikan ia kekal relevan dan sejajar dengan *Piawain Audit Dalaman Global* yang baharu, dan telah mendapatkan maklum balas dan kelulusan ARC, dan Piagam IA kemudiannya dibentangkan kepada Lembaga.

## PIHAK BERKEPENTINGAN LUAR DAN KOMUNIKASI AWAM (FMOS)

Berikutan kejayaan penyatuan Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) dan Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC) pada Januari 2025, Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) kini berfungsi sebagai saluran tunggal, bebas dan tidak berat sebelah untuk pengguna dan pelabur kewangan menyelesaikan pertikaian kewangan dengan cekap dan adil.

Penubuhan FMOS menandakan satu peristiwa penting dalam landskap pasaran kewangan dan modal Malaysia, memperkukuh perlindungan pelabur dan pengguna

serta meningkatkan kecekapan operasi melalui rangka kerja penyelesaian pertikaian bersepadu. Keahlian FMOS yang diperluas merangkumi bank perdagangan, bank Islam, bank pelaburan, bank digital, institusi kewangan pembangunan, syarikat insurans, pengendali takaful, syarikat pengurusan dana dan pengurusan aset, syarikat broker saham, penerbit wang elektronik, broker insurans dan takaful, dan penasihat kewangan.

FMOS mengendalikan pertikaian kewangan bernilai tidak melebihi RM250,000 yang melibatkan produk dan perkhidmatan pasaran kewangan dan modal, menyediakan penyelesaian melalui pengurusan kes dan penghakiman selaras dengan amalan terbaik global.

Pada tahun 2025, FMOS menerima 11,431 aduan dan pertanyaan, yang mana 4,158 didaftarkan sebagai pertikaian yang layak (termasuk 18 pertikaian pasaran modal). Sebanyak 1,656 pertikaian telah dibawa ke hadapan dari tahun 2024, yang terdiri daripada 1,630 pertikaian yang didaftarkan di bawah skim pendahulu OFS dan 26 pertikaian yang didaftarkan di bawah skim pendahulu SIDREC. Dalam tempoh tersebut, 3,185 pertikaian berjaya diselesaikan, termasuk 25 kes pasaran modal di bawah skim pendahulu SIDREC dan dua kes pasaran modal di bawah skim FMOS.

Selain penyelesaian pertikaian, FMOS menggalakkan literasi kewangan dan kesedaran mengenai peranan FMOS sebagai saluran penyelesaian alternatif melalui inisiatif jangkauan termasuk Bersama InvestSmart® yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), dan Karnival Celik Kewangan oleh Rangkaian Pendidikan Kewangan di bawah Bank Negara Malaysia (BNM).

FMOS juga bekerjasama rapat dengan Pengawal Selia, ahli, persatuan industri dan agensi kerajaan untuk berkongsi pemahaman daripada penyelesaian pertikaian, mengetengahkan trend sistemik dan memberikan maklum balas berharga yang menyokong amalan industri yang kukuh dan penambahbaikan pasaran yang berterusan.

# KEMAMPAKAN ORGANISASI

Kemampuan organisasi kekal sebagai aspek yang penting bagi SC. Berlandaskan komitmen penyahkarbonan untuk mencapai Neutral Karbon menjelang 2040, dan Karbon Sifar menjelang 2050, SC menerapkan pertimbangan alam sekitar, sosial dan tadbir urus dalam seluruh operasi dan aktiviti, melalui Inisiatif Kelestarian Pertama (SFI). Bertujuan untuk menyokong peralihan SC menjadi organisasi mampan, SFI menetapkan strategi yang akan dilaksanakan oleh SC dalam jangka pendek hingga sederhana.

Pada tahun 2025, SC menyempurnakan Fasa 1 SFI. Melalui usaha untuk mengurangkan pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) SC, meningkatkan budaya tenaga kerja dan kesejahteraan staf, serta memperkukuh kemampuan tadbir urus melalui penubuhan Kumpulan







Perniagaan Mampan yang khusus, SC terus membina organisasi yang berdaya tahan menuju masa depan yang mampan.

## Komitmen SC terhadap UN SDGs

Berpaksikan komitmennya terhadap Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (SDG), SC berusaha menyokong enam SDG utama yang dikenal pasti sebagai penting dari segi strategi, dengan mengambil kira kaitannya dengan nilai organisasi dan operasi harian. Berikut adalah penjelasan mengenai SDG yang berkaitan dan sumbangan SC kepada sasaran khusus mereka (Rajah 1).

### RAJAH 1

#### Penjajaran Pencapaian Organisasi dengan Sasaran SDG

 <p><b>SDG 4</b> Pendidikan Berkualiti</p> <p><b>Sasaran 4.4</b> Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan orang dewasa yang mempunyai kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional, untuk pengambilan pekerja, pekerjaan yang layak dan keusahawanan.</p> <p><b>Inisiatif SC:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>InvestSmart Fest;</li> <li>Program investED Kepimpinan dan Penempatan Pekerjaan;</li> <li>Program Pembangunan TVET; dan</li> <li>Program Mentorship Shariah (SMP).</li> </ul>	 <p><b>SDG 7</b> Tenaga yang Berpatutan dan Bersih</p> <p><b>Sasaran 7.1</b> Menjelang 2030, memastikan akses universal kepada perkhidmatan tenaga yang berpatutan, boleh dipercayai dan moden.</p> <p><b>Sasaran 7.2</b> Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bahagian tenaga boleh diperbaharui dalam gabungan tenaga global.</p> <p><b>Sasaran 7.3</b> Menjelang 2030, melipatgandakan kadar global dalam peningkatan kecekapan tenaga.</p> <p><b>Inisiatif SC:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Penjana tenaga melalui panel solar;</li> <li>Peralihan kepada kenderaan hibrid/elektrik; dan</li> <li>Peralihan kepada lampu LED yang cekap tenaga.</li> </ul>	 <p><b>SDG 8</b> Pertumbuhan Ekonomi dan Pekerjaan yang Baik</p> <p><b>Sasaran 8.5</b> Menjelang 2030, mencapai pekerjaan penuh dan produktif serta pekerjaan yang layak untuk semua wanita dan lelaki, termasuk golongan muda dan orang kurang upaya, dan gaji yang sama untuk kerja yang sama nilai.</p> <p><b>Sasaran 8.8</b> Melindungi hak buruh dan menggalakkan persekitaran kerja yang selamat dan terjamin untuk semua pekerja.</p> <p><b>Inisiatif SC:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Penggajian tukang kebun yang kurang upaya pendengaran;</li> <li>Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan; dan</li> <li>Pasukan Tindak Balas Kecemasan SC.</li> </ul>	 <p><b>SDG 12</b> Penggunaan dan Pengeluaran Yang Bertanggungjawab</p> <p><b>Sasaran 12.5</b> Menjelang 2030, mengurangkan penjanaan sisa dengan ketara melalui pencegahan, pengurangan, kitar semula dan penggunaan semula.</p> <p><b>Inisiatif SC:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengubah hias bilik kitar semula;</li> <li>Tong Kloth Care; dan</li> <li>Bazaar barangan terpakai.</li> </ul>	 <p><b>SDG 13</b> Tindakan Iklim</p> <p><b>Sasaran 13.3</b> Meningkatkan pendidikan, kesedaran dan kapasiti manusia dan institusi mengenai perubahan iklim, penyesuaian, pengurangan impak dan amaran awal.</p> <p><b>Inisiatif SC:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pemantauan dan pelaksanaan berterusan oleh:by: <ul style="list-style-type: none"> <li>Jawatankuasa Kemampanan Lembaga</li> <li>Jawatankuasa Pemandu Kemampanan</li> <li>Jabatan Kemampanan Organisasi</li> </ul> </li> </ul>	 <p><b>SDG 16</b> Institusi Aman, Adil dan Kukuh</p> <p><b>Sasaran 16.6</b> Membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus di semua peringkat.</p> <p><b>Sasaran 16.7</b> Memastikan pembuatan keputusan yang responsif, inklusif, penyertaan dan perwakilan di semua peringkat.</p>
--	---	---	--	--	---

## Alam Sekitar

SC terus memantau pelepasan GHG terutamanya Skop 1 dan 2 di seluruh operasinya.

Di bawah Fasa 1 SFI, SC telah melaksanakan pelbagai aktiviti pengurangan pelepasan, termasuk langkah kecekapan tenaga dan amalan tempat kerja yang mampan, sekali gus mengesahkan semula komitmen SC untuk mengurus impak alam sekitar dan memenuhi matlamat iklim negara. Menjelang tahun 2030, SC akan meneroka strategi penyahkarbonan tambahan — seperti penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan pemerolehan hijau yang dipertingkatkan — untuk mempercepatkan kemajuan ke arah komitmen Karbon Sifar dan memperkukuh kepimpinan kemampuannya.

Pelepasan Skop 1 SC timbul daripada pembakaran pegun melalui penggunaan penjana, pembakaran mudah alih daripada operasi kumpulan kenderaan dan lepasan fugitif sekali-sekala. Selaras dengan SFI, pengurangan pelepasan utama yang dikenal pasti untuk pelepasan Skop 1 ialah peralihan kepada kumpulan kenderaan rendah pelepasan.

Untuk melaksanakannya, SC telah melaksanakan inisiatif peralihan kenderaan, yang merangkumi penggantian kenderaan petrol lama dengan model hibrid dan penukaran van ulang-alik berkuasa bahan api fosil kepada alternatif elektrik. Melalui inisiatif ini tiga kenderaan elektrik (EV) telah dimasukkan ke dalam kumpulan kenderaan SC, menyokong penggunaan EV yang lebih luas sambil mengurangkan pelepasan Skop 1. Peralihan ini mengurangkan pergantungan pada bahan api fosil dan membolehkan pengurangan pelepasan boleh ukur daripada sumber pembakaran mudah alih.



Pelepasan Skop 2, yang timbul daripada penggunaan elektrik yang dibeli, mewakili komponen terbesar jejak karbon keseluruhan SC. Memandangkan impak ini, SC

telah menerima pakai strategi pengurangan bersasar yang bertujuan untuk mengurangkan penggunaan elektrik dan beralih secara progresif daripada sumber tenaga perang kepada alternatif yang boleh diperbaharui.

Sebagai sebahagian daripada usaha ini, SC menyelesaikan inisiatif peralihan pencahayaannya pada tahun 2025, dengan menggantikan lebih 14,000 mentol lampu konvensional dengan kelengkapan LED cekap tenaga.



Panel solar yang dipasang di atas bumbung SC telah dikuasakan sepenuhnya pada tahun 2025, menandakan peristiwa penting dalam peralihan daripada elektrik berasaskan bahan api fosil yang intensif karbon kepada tenaga boleh diperbaharui. Peralihan ini menyumbang secara langsung kepada pengurangan pelepasan pada titik penjana sambil meningkatkan kelestarian alam sekitar dan meningkatkan kecekapan kos jangka panjang. Kuasa solar diunjurkan akan mengurangkan penggunaan elektrik keseluruhan SC sebanyak kira-kira 10%, menyokong pengurangan berterusan dalam pelepasan Skop 2.



Susulan audit tenaga yang dijalankan oleh SC untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai pengagihan tenaga bangunan dan mengenal pasti peluang untuk kecekapan tenaga, projek rintis SC menguji keberkesanan filem solar untuk meminimumkan haba bangunan dan mengurangkan pergantungan pada unit pengendalian udara SC. Langkah-langkah kecekapan tenaga lain sedang diterokai untuk mengurangkan lagi impak alam sekitar SC secara keseluruhan, termasuk menangani kebimbangan peningkatan suhu yang boleh dijangka dan keperluan untuk mengoptimalkan pengurusan haba dan kecekapan operasi.

SC juga menyedari pelepasan Skop 3 yang terdiri daripada pelepasan tidak langsung lain yang timbul daripada aktiviti yang tidak dikawal secara langsung oleh SC tetapi dikaitkan dengan rantai nilai. Penyumbang utama pelepasan Skop 3 SC termasuk Kategori 5: Sisa yang Dihasilkan dalam Operasi dan Kategori 6: Perjalanan Urusan.

Sisa dalam operasi diuruskan secara aktif melalui bilik kitar semula khusus, manakala sisa makanan dan hortikultur dialihkan ke tujuh tong kompos di pekarangan SC, setiap satu menghasilkan kira-kira 60 kg pengkondisian tanah yang boleh digunakan untuk taman SC atau diagihkan kepada kakitangan. Tong kitar semula tekstil dan pakaian Kloth Care juga diletakkan secara strategik di seluruh premis SC untuk menggalakkan amalan sifar sisa dalam kalangan kakitangan, mengalihkan lebih 1,100 kg pakaian terpakai dan tidak diingini dari tapak pelupusan sampah.

Di samping itu, sementara pelepasan perjalanan perniagaan dipantau, proses pengumpulan data dipertingkatkan untuk meningkatkan pengukuran dan ketepatan keseluruhan. Ini akan membolehkan SC mengenal pasti peluang pengoptimuman dan bidang pengurangan pelepasan dengan lebih baik.

## Sosial

### Gambaran Keseluruhan

SC kekal komited untuk memajukan kesejahteraan sosial dalam organisasi dan merentasi komuniti yang lebih luas.

**RAJAH 2**  
Tema sosial SC



Secara dalaman, SC mengutamakan pembangunan dan kebajikan kakitangan, manakala secara luaran, inisiatif tertumpu pada peningkatan literasi kewangan merentasi pasaran modal dan menyokong komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan melalui program filantropi dan bukan filantropi.

### Majikan Pilihan

Komitmen SC untuk menjadi majikan pilihan disokong oleh pendekatan holistik yang mengutamakan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pekerja; menerapkan budaya yang didorong oleh kemampanan di seluruh organisasi; dan memperkukuh tarikan dan pengekalan bakat. Usaha-usaha ini mencerminkan tumpuan SC untuk membina tenaga kerja yang berdaya tahan dan bersedia untuk masa hadapan yang menyokong kecemerlangan organisasi dan penciptaan nilai jangka panjang.

Komitmen ini telah diiktiraf di Anugerah LIFE AT WORK (LAWA) 2025, di mana SC memenangi anugerah di bawah Penjagaan dan Kesejahteraan Pekerja (Sektor



Awam), Juara CEO (Sektor Awam) dan merupakan naib juara untuk Organisasi Terbaik (Sektor Awam).

Dalam menyokong kesihatan dan kesejahteraan, SC menyediakan perlindungan komprehensif yang merangkumi kesihatan fizikal dan mental. Kakitangan boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan di lebih 7,000 klinik dan hospital yang diluluskan di seluruh negara, dilengkapi dengan sumber kesihatan mental seperti perkhidmatan kaunseling dan psikiatri profesional.

Pada tahun 2025, SC telah memperkukuh usaha kesejahteraan pekerjaannya dengan menaik taraf pusat kecergasan dan dewan serbaguna untuk menyokong dan memudahkan gaya hidup yang lebih sihat untuk kakitangannya. Di samping itu, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (SHC) menganjurkan pelbagai acara tahun ini, termasuk Minggu Keselamatan dan Kesihatan pada bulan Oktober yang menyediakan pemeriksaan kesihatan yang komprehensif untuk kakitangan. Terdapat juga kempen derma darah, terapi urutan di lokasi dan sesi vaksinasi Influenza.

Seterusnya, SC melancarkan kemudahan taska yang baru diubah suai, memperkukuh komitmen organisasi untuk menyokong ibu bapa yang bekerja dan memupuk persekitaran kerja yang mesra keluarga. Taska berwajah baru tersebut dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri. Pusat penjagaan kanak-kanak yang dibina khas ini menyediakan persekitaran yang selamat, memupuk dan memfokuskan pembangunan kepada anak-anak pekerja, dan membantu kakitangan mengimbangi tanggungjawab profesional dan keluarga dengan lebih baik.



Kelab Sukan dan Rekreasi SC (KSRSS) juga terus memainkan peranan penting dalam menyokong kesihatan dan kesejahteraan kakitangan dengan memupuk penyertaan dan semangat setiakawan. Pelbagai aktiviti — termasuk Bazar Ramadan dan Pesta Buah-buahan dianjurkan pada tahun 2025 untuk mengukuhkan ikatan antara kakitangan dan menggalakkan budaya tempat kerja yang meriah.



Dari segi keselamatan, SC memperkukuh kesiapsiagaan dan tindak balas kecemasannya melalui latihan dan sesi ulangkaji untuk 81 ahli Pasukan Tindak Balas Kecemasan (ERT), bagi memastikan tindak balas yang pantas dan berkesan sekiranya berlaku kecemasan, di samping menjalankan latihan pemindahan. Sesi latihan mandatori Keselamatan dan Perlindungan Diri untuk pekerja juga dijalankan untuk memperkasakan kakitangan dan menggalakkan daya tahan.

Untuk menyemai dan menerapkan budaya kelestarian dalam SC, Jabatan Kemampanan Organisasi telah menganjurkan inisiatif alam sekitar dan sosial bersasar, termasuk Pasar Barangan Terpakai untuk mempromosikan amalan sifar sisa dan menyokong perusahaan sosial tempatan yang memperkasakan komuniti. Beberapa pekeliling yang mengetengahkan keutamaan kelestarian seperti pengurangan plastik guna tunggal (Julai Bebas Plastik), pengurangan penggunaan elektrik (Hari Penjimatan Tenaga Sedunia), dan penyesuaian iklim dan perlindungan pantai (Hari Antarabangsa untuk Pemuliharaan Ekosistem Bakau) telah diedarkan untuk meningkatkan kesedaran kakitangan. Tayangan tertutup dokumentari *Ocean with Sir David Attenborough* juga dilakukan untuk memperdalamkan pemahaman tentang pemuliharaan dan pemeliharaan marin. Untuk mempromosikan amalan makanan lestari dan ruang kerja yang lebih hijau, SC melancarkan inisiatif penanaman hidroponik berskala kecil pada akhir tahun tersebut.



Dalam usahanya untuk memperkukuh tarikan dan pengkalan bakat, SC mengutamakan pembangunan kakitangan. Inisiatif utama termasuk biasiswa untuk meningkatkan kemahiran profesional dan khusus, program latihan komprehensif untuk menyokong pertumbuhan kerjaya dan peluang penggiliran kerja untuk meluaskan kepakaran dan memupuk keupayaan kepimpinan.

### **Memupuk Literasi Kewangan**

Sebagai pengawal selia pasaran modal, SC memainkan peranan penting dalam melindungi pelabur dan menggalakkan integriti pasaran. Perlindungan pelabur ialah mandat teras yang sejajar dengan tema sosial SFI iaitu literasi kewangan, bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan memperkasakan pihak berkepentingan untuk membuat keputusan kewangan termaklum.

Pada tahun 2025, Pejabat Pengguna dan Pelabur memajukan agenda ini melalui inisiatif utama seperti InvestSmart® Fest, Bersama InvestSmart®, dan #FinPlan4U®, yang menyediakan sesi perancangan kewangan satu-sama-satu percuma dengan perancang kewangan berlesen dan baru-baru ini, memberikan pelabur akses kepada Permainan Adaptasi Malaysia SC untuk lebih memahami impak perubahan iklim yang semakin meningkat. Secara kolektif, program ini melibatkan lebih 100,000 peserta di seluruh negara. SC akan terus meluaskan jangkauannya melalui program bersasar untuk mengukuhkan lagi literasi kewangan dan keyakinan pelabur merentasi pelbagai komuniti.

### **Warga Korporat yang Bertanggungjawab**

SC, sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, kekal komited untuk mencipta impak positif, melangkaui mandat kawal selianya, dengan meningkatkan kehidupan komuniti rentan dan kurang diberi liputan. Melalui inisiatif filantropi dan bukan filantropi, SC berusaha untuk menyediakan sokongan bermakna yang meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Melalui penerbitan Garis Panduan Platform Bursa Sosial dan penubuhan Bursa Sosial, SC akan membolehkan Organisasi Bukan Untung (NPO) meningkatkan inisiatif berimpak, mengukuhkan komitmen SC terhadap kesejahteraan sosial dan menyokong komuniti yang kurang mendapat liputan.

Seterusnya, Program Kepimpinan dan Siswazah investED SC terus membina kapasiti dan mewujudkan peluang kerjaya dalam pasaran modal untuk graduan muda, daripada pelbagai latar belakang termasuk golongan yang kurang mendapat liputan. Program ini yang telah memasuki tahun ketiga, berjaya melatih dan menempatkan 211 graduan dalam peranan berkaitan pasaran modal, menyumbang kepada saluran bakat jangka panjang negara. Melengkapi usaha ini, SC melancarkan investED untuk Wanita pada tahun 2025, mengiktiraf kepentingan menyokong wanita kembali bekerja.



Program Mentorship Syariah (SMP) SC yang memupuk bakat muda dalam kewangan Islam melalui pendedahan praktikal dan bimbingan daripada pemimpin industri masih diteruskan. Sehingga kini 45 mentee dan 59 mentor menyertai SMP, yang menyokong pemindahan pengetahuan, pembangunan profesional, dan pembinaan kapasiti dalam Syariah dan kewangan Islam.

Melalui kerjasama dengan Projek Baju Raya, SC membawa kegembiraan kepada individu yang kurang bernasib baik dengan menyediakan pakaian kepada mereka semasa musim perayaan. Kakitangan SC secara kolektif menyumbangkan sebanyak 297 helai pakaian melalui Projek ini.



Program-program ini mempamerkan pendekatan holistik SC dalam usaha meningkatkan kehidupan komuniti melalui aktiviti filantropi dan bukan filantropi. Melalui

usaha berterusan ini, SC terus mengukuhkan peranannya sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, memperjuangkan keterangkuman sosial dan pembangunan modal insan.

### Tadbir Urus

#### Gambaran Keseluruhan

SC komited untuk mengukuhkan rangka kerja tadbir urus kemampuannya, dengan Jawatankuasa Kemampuan Lembaga (BSC) menyediakan pengawasan yang relevan terhadap kemampuan dan strategi berkaitan ESG, manakala Jawatankuasa Pemandu Kemampuan (SSC) membimbing dan memantau kemajuan inisiatif utama kemampuan dalaman dan luaran.

Sebagai sebahagian daripada komitmen ini, SC telah melantik Ketua Pegawai Kemampuan (CSO), berkuat kuasa Januari 2025. SC juga menubuhkan Kumpulan Perniagaan Kemampuan (BG) untuk memudahkan kepimpinan pemikiran dan meningkatkan kapasiti pelaksanaan. BG Kemampuan terdiri daripada empat jabatan khusus yang meliputi Alam Sekitar, Sosial, Tadbir Urus Korporat dan Kemampuan Organisasi yang bekerjasama untuk menyokong penyepaduan kemampuan dalam strategi dan tadbir urus SC dan pasaran modal. Struktur ini membolehkan SC mengambil pandangan holistik terhadap kemampuan, memastikan perlindungan alam sekitar, pembangunan sosial, integriti tadbir urus dan amalan seluruh organisasi diserapkan ke dalam agenda pasaran modal yang lebih luas dan operasi dalaman SC.

Struktur tadbir urus yang dipertingkatkan menegaskan komitmen SC untuk memajukan prinsip ESG dan memacu pembangunan mampan secara menyeluruh dan holistik.

# SUMBER MANUSIA

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN KEUPAYAAN ORGANISASI 2025

Pada 2025, SC melanjutkan strategi modal insannya untuk membangunkan tenaga kerja yang bersedia menghadapi masa hadapan dan berdaya tahan, sejajar dengan mandat kawal selia dan keutamaan strategik organisasi. Melalui transformasi digital, pengoptimuman bakat dan amalan tempat kerja yang progresif, SC melaksanakan inisiatif utama yang mengukuhkan kecekapan, meningkatkan pengalaman kakitangan dan meletakkan SC sebagai majikan terkemuka dalam sektor awam.

### Memperkukuh Kecekapan HR Melalui Sistem Automasi

SC mencapai kejayaan besar dalam pelan hala tuju digitalnya melalui penggunaan Sistem Pengurusan Sumber Manusia (HRMS) yang dinaiktaraf pada suku tahun ketiga yang membolehkan automasi hampir keseluruhan pelbagai transaksi HR, mengurangkan proses manual. Jabatan ini memberi tumpuan kepada memperkemas operasi HR untuk menyokong keperluan tenaga kerja organisasi yang semakin berkembang dan memberi pengalaman yang lebih cekap, telus dan berpusatkan pekerja. Sistem yang dipertingkatkan tersebut berjaya disepadukan dengan pangkalan data perubatan pentadbir pihak ketiga dan platform kewangan dalaman, memastikan pemindahan data masa nyata, masa pusing balik yang lebih pantas dan pengalaman kakitangan yang lebih konsisten, menyelaraskan operasi HR dengan keutamaan strategik organisasi dan keperluan tenaga kerja masa hadapan. Pencapaian ini mencerminkan komitmen SC terhadap kecemerlangan operasi dan fungsi HR yang lebih dipacu teknologi.

### Pengoptimuman Tenaga Kerja Termaklum Data

Sebagai usaha untuk memastikan ketangkasan organisasi dalam kerumitan pasaran yang berkembang, SC melaksanakan Penilaian Urusan-Seperti Biasa Setara

Sepenuh Masa (BAU-FTE), inisiatif dipacu data yang memetakan kemahiran tenaga kerja, pengagihan beban kerja dan kapasiti. Penilaian tersebut menghasilkan inventori komprehensif mengenai kemahiran tenaga kerja melalui pemprofilan dan penilaian kemahiran kerja yang sah, analisis profil kerja, kecekapan, dan penjajaran peranan untuk memastikan organisasi mempunyai bilangan kakitangan yang betul dengan kemahiran yang betul dalam peranan yang betul. Penilaian BAU-FTE turut menilai pengagihan beban kerja dan penggunaan sumber dalam semua jabatan untuk mengenal pasti pertindihan, ketidakseimbangan kapasiti dan tekanan operasi. Secara keseluruhannya, penilaian tersebut menghasilkan pemahaman terpacu data mengenai kekuatan tenaga kerja, jurang keupayaan dan tahap penggunaan, membentuk asas yang kukuh untuk perancangan tenaga kerja yang berkesan, pembangunan keupayaan bersasar, dan meningkatkan ketangkasan organisasi dan kesiediaan masa hadapan.

### Mengekalkan Saluran Bakat dan Kapasiti Tenaga Kerja

Setakat 31 Disember 2025, SC kekal meneruskan pendekatan pengambilan pekerja yang berdisiplin dan berasaskan keperluan. Pengambilan ini memberi keutamaan kepada jawatan kritikal bagi memastikan kesinambungan operasi, serta berjaya mengekalkan jumlah tenaga kerja seramai 871 orang. Di samping itu, sebanyak 83 kenaikan pangkat telah diberikan sebagai pengiktirafan kepada kakitangan yang secara konsisten menunjukkan prestasi cemerlang, sekali gus mempertingkatkan budaya berasaskan merit yang kukuh serta komitmen SC terhadap pembangunan bakat.

### Membangun Bakat Awal: Latihan Amali dan Penempatan

Dalam nada yang sama, SC terus memupuk bakat awal melalui latihan amali dan penempatan industri, dengan menempatkan sejumlah 49 orang pelajar sarjana muda dan tujuh orang pelatih vokasional ke dalam organisasi. Program ini bertujuan untuk menyediakan peluang

pembelajaran praktikal di kalangan belia dengan memberi mereka pengetahuan dan pengalaman bekerja dalam persekitaran kawal selia.

## Memperluas Kumpulan Bakat Pasaran Modal: investED

Di samping membangunkan mahasiswa, SC meneruskan usahanya untuk meningkatkan kesedaran mengenai pelbagai peluang kerjaya dan menangani jurang bakat muda dalam pasaran modal dengan menerajui program Pemupukan Bakat investED. Program investED yang telah memasuki tahun ketiga, telah merekrut 212 orang pelatih yang telah menamatkan pembelajaran dalam bilik darjah selama sebulan di Asia School of Business sebelum ditempatkan di 46 organisasi yang mengambil bahagian dalam ekosistem pasaran modal. Pelatih tersebut telah diberi peluang untuk meneroka pilihan kerjaya dalam pasaran modal berdasarkan kemahiran/pengalaman mereka dan akan dipertimbangkan untuk peranan dalam organisasi hos setelah program selesai.

## Memperjuangkan Inklusi: Program investED for Returning Women

Pada Oktober 2025 program investED for Returning Women dilancarkan. Ia merupakan program latihan dan kemasukan semula berstruktur yang direka untuk menyokong wanita yang kembali ke alam pekerjaan selepas berehat dari kerjaya. Program ini, yang disokong oleh 30% Club Malaysia, LeadWomen Sdn Bhd, SIDC, PwC Malaysia dan TalentCorp, mencerminkan komitmen pelbagai pihak dalam menyokong kepelbagaian jantina dan inklusi. Inisiatif ini menerima lebih dari 600 permohonan pada tahun 2025, menunjukkan permintaan pasaran yang memberangsangkan. Pemohon yang terpilih diberikan pelbagai peluang pembelajaran untuk memantapkan CV dan kemahiran mereka sebelum dipertimbangkan untuk jawatan dalam organisasi terlibat.

## Peminjaman: Memperkukuh Mobiliti Bakat dan Pendedahan Strategik

Di samping itu, SC terus memperkukuh program Mobiliti Bakatnya melalui program peminjaman dan sangkutan dengan agensi utama, termasuk Kementerian Kewangan, Lembaga Pengawasan Kredit Pengguna (CCOB), Pasaran Modal Malaysia (CMM), Bank Dunia dan Hab Asia-Pasifik IOSCO. Program ini membolehkan 11 orang kakitangan meluaskan pendedahan kawal selia mereka, meningkatkan

kemahiran dan membina rangkaian merentas agensi sepanjang pengalaman peminjaman mereka. Bagi melengkapinya peminjaman keluar, SC juga menjadi tuan rumah kepada empat orang peminjam yang datang dari Bank Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Agensi Perkhidmatan Kewangan (FSA) Jepun, memupuk kerjasama antara agensi dan pertukaran pengetahuan.

## Sorotan Keupayaan dan Pembangunan SC

SC mengamalkan pendekatan pembelajaran bersasar yang dipacu hasil. Pada tahun 2025, kira-kira 88,895 jam latihan dilaksanakan, mencerminkan pelaburan berterusan dalam keutamaan keupayaan kawal selia berbanding latihan yang dipacu volum. Usaha-usaha ini mencerminkan komitmen SC dalam menghasilkan kerja yang mahir, beretika dan bersedia untuk masa hadapan selaras dengan keperluan pasaran modal Malaysia yang sentiasa berkembang.

Pada tahun 2025, SC terus memperkukuh keupayaan organisasi melalui pembelajaran bersasar yang merangkumi inisiatif integriti dan keselamatan. Program Kesedaran Tadbir Urus, Integriti dan Pencegahan Rasuah (GIC) kekal memberi penekanan terhadap kod tatalaku, dasar pemberian hadiah dan keperluan pencegahan rasuah SC. Disampaikan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, program ini menyokong usaha berterusan di bawah Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi (OACP) 2024-2026 untuk menerapkan budaya ketelusan, akauntabiliti dan tanggungjawab di seluruh organisasi.

Seterusnya, SC mewujudkan siri kajian kes berstruktur dan perkongsian pengetahuan dalaman untuk melindungi memori institusi dan memupuk budaya pembelajaran berterusan. Inisiatif ini memberi tumpuan kepada pendokumenan kes dan inisiatif pengawalseliaan penting, khususnya dalam Ekuiti, Pengambilalihan dan Percantuman. Inisiatif ini memudahkan pemindahan kepakaran khusus dan pandangan operasi, meningkatkan pemahaman mengenai peranan pengawalseliaan SC, dan menyimpan rasional keputusan, pertimbangan pengawalseliaan, dan pengajaran yang dipelajari. Pendekatan ini memastikan bahawa 'pengajaran yang dipelajari' daripada inisiatif lalu disepadukan ke dalam fungsi pengawalseliaan SC yang berterusan, menyokong kecemerlangan institusi jangka panjang. Siri ini selanjutnya dilengkapi dengan Program Pembangunan Pengurus Baharu SC dan Program Pembangunan Pengurusan Pertengahan, untuk membantu pemimpin membangunkan kemahiran yang mereka perlukan untuk masa depan pengawalseliaan pasaran modal. Selain reka

bentuk pembentangan dan kemahiran penyampaian, program ini terus meningkatkan inovasi dan kemahiran pemikiran strategik dalam organisasi.

Meneruskan pembinaan kapasiti dari tahun 2024, SC terus meningkatkan kemahiran kakitangan menjelang perubahan pasaran baru muncul dalam tahun 2025. SC memperkukuh kemahiran teknikal dalam pengesanan penipuan dan penyiasatan dengan menyokong kakitangan mendapatkan kelayakan Pemeriksa Penipuan Bertauliah (CFE), satu pensijilan unik bertaraf global yang membantu pengawal selia menangani kerumitan jenayah kewangan dalam sektor swasta dan awam. Ini memperkukuh keupayaan organisasi untuk menjalankan siasatan yang kompleks dan meningkatkan kredibiliti kakitangan sebagai saksi pakar apabila diperlukan. Pembinaan kapasiti dalam bidang kemampunan terus memberi kesan apabila 20 kakitangan berusaha untuk menamatkan Program Pemecut Kemampunan ICAEW pada tahun 2025. Program ini melengkapkan kakitangan dengan kemahiran praktikal dan pandangan strategik untuk mengintegrasikan kemampunan ke dalam perniagaan, mengurus risiko, mewujudkan kes perniagaan dan menerajui inisiatif ESG serta membantu organisasi mencapai keuntungan jangka panjang dan pematuhan dengan piawaian yang sentiasa berubah.

SC juga terus melabur dalam pembangunan pengawal selia yang selaras dengan piawaian antarabangsa. Salah satu inisiatif ini termasuk penyertaan dalam Program Pembangunan Pengawal Selia Muda ASEAN yang dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Durham. Pegawai SC menyertai rakan sejawat dari rantau ASEAN dan Teluk untuk meneroka asas pengawalseliaan, pendekatan penyeliaan dan isu-isu baru muncul dalam pasaran modal. Program ini meningkatkan kepakaran dalam pengamalan kewangan dan pasaran modal Islam sambil menggalakkan pertukaran pengawalseliaan antarabangsa. Ia turut meningkatkan pemahaman rentas sempadan dan mengukuhkan reputasi SC sebagai rakan kongsi serantau yang dihormati. Selain itu, dua pegawai telah dianugerahkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana di institusi antarabangsa terkemuka, sekali gus mengukuhkan saluran pemimpin

pengawalseliaan masa depan SC. Peluang ini melengkapkan penerima dengan pengetahuan lanjutan, perspektif global dan kepakaran khusus yang akan dimanfaatkan apabila mereka kembali berkhidmat.

## Memperkukuh Kesedaran Keselamatan dan Kesediaan Operasi

Sebagai pengawal selia pasaran modal, SC dan semua kakitangannya terdedah kepada beberapa tahap risiko dalam fungsi mereka. Oleh itu, SC terus mengutamakan tahap kesedaran keselamatan kakitangan merentasi pelbagai fungsi, termasuk fungsi yang beroperasi dalam persekitaran berisiko tinggi. Kakitangan dilengkapi dengan pengetahuan asas dalam keselamatan diri, kesedaran situasi dan teknik perlindungan diri yang praktikal untuk membantu menangani risiko yang mereka hadapi dalam melaksanakan tugas dan peranan mereka. Bagi menyokong lagi kesediaan operasi, pendedahan pengendalian senjata api khusus juga diperkenalkan untuk fungsi yang berkaitan, dengan memberi tumpuan kepada pemahaman risiko berkaitan senjata api dan penggunaan yang sesuai dalam prosedur kecemasan. Inisiatif ini memperkukuh komitmen SC terhadap kesejahteraan pekerja dan kesediaan risiko.

## Meningkatkan Kesenambungan Pengetahuan dan Keupayaan Organisasi

Dasar dan Prosedur Pengurusan Rekod Organisasi yang diluluskan dan dilaksanakan pada tahun 2025 telah mewujudkan rangka kerja yang seragam dan menyeluruh untuk mengurus rekod institusi. Dengan menerima pakai amalan penomboran rujukan dan pemfailan yang seragam mengikut *Akta Arkib Negara 2003*, SC telah memperkukuh pematuhan kawal selia, integriti rekod dan meningkatkan kebolehcapaian dan kebolehesanan maklumat dengan ketara merentasi semua jabatan. Penyeragaman ini menyediakan asas yang kukuh untuk tadbir urus maklumat yang berkesan, pengurusan risiko dan akauntabiliti organisasi jangka panjang.

## KEMENANGAN SC DI ANUGERAH LIFE AT WORK 2025

Pada tahun 2025, SC menerima pengiktirafan nasional untuk budaya tempat kerja progresif, kesejahteraan pekerja, serta amalan kepelbagaian dan inklusif di Anugerah LIFE AT WORK (LAWA) 2025, yang dianjurkan oleh TalentCorp. Anugerah ini meraikan majikan yang memupuk persekitaran kerja yang inklusif, saksama dan bersedia untuk masa hadapan. Kemenangan SC dalam pelbagai kategori mencerminkan komitmen jangka panjangnya untuk mewujudkan tempat kerja yang berpusatkan insan dan ekosistem holistik di mana kakitangan boleh membangun dari sudut peribadi dan profesional. Ia turut mencerminkan kepimpinan yang mantap, rangka kerja sumber manusia yang kukuh, dan semangat kolektif warga SC.

### Juara CEO (Sektor Awam) – Dato' Mohammad Faiz Azmi

Pengerusi SC, Dato' Mohammad Faiz Azmi, telah diiktiraf sebagai Juara CEO (Sektor Awam) atas kepimpinan strategik dan komitmen beliau dalam memajukan kesejahteraan pekerja dan kecemerlangan organisasi. Di bawah kepimpinan beliau, SC telah memperkukuh ekosistem tempat kerja melalui penambahbaikan kemudahan, ruang kolaboratif dan pengaturan kerja yang fleksibel, di samping meluaskan peluang pembelajaran termasuk pendedahan pascasiswazah, antarabangsa dan serantau untuk kakitangan. Perhatian beliau terhadap kesihatan mental, libat urus berkala dengan kakitangan dan dasar kerja yang menyokong telah mengukuhkan lagi budaya prihatin dalam organisasi.

Dato' Faiz juga memperjuangkan keterangkuman, terutamanya menyokong kemajuan wanita dalam pasaran modal, dan telah membantu meningkatkan kedudukan Malaysia dalam kewangan Islam di peringkat global dan kecemerlangan kawal selia melalui perkongsian strategik dan program pendidikan. Anugerah ini menegaskan peranan penting kepimpinan dalam membentuk budaya tempat kerja dan mengesahkan komitmen beliau untuk memupuk persekitaran di mana pekerja berasa dihargai, disokong dan diberi kuasa.

### Penjagaan dan Kesejahteraan Pekerja (Sektor Awam) – Pemenang




SC memenangi kategori Penjagaan dan Kesejahteraan Pekerja (Sektor Awam) atas pendekatan komprehensifnya dalam memupuk tenaga kerja yang sihat, menyokong dan berdaya tahan. Pengiktirafan ini mencerminkan usaha gigih dan berterusan SC untuk menerapkan kesejahteraan holistik ke dalam budaya organisasinya, berpandukan lima tonggak teras: kesihatan mental dan emosi, kesejahteraan kewangan, sokongan keluarga dan integrasi kerja-kehidupan, serta keterhubungan sosial dan penglibatan komuniti.

### Organisasi Terbaik Keseluruhan (Sektor Awam) – Naib Juara

SC juga telah dinobatkan sebagai Naib Juara bagi Organisasi Terbaik Keseluruhan (Sektor Awam), meletakkannya antara institusi sektor awam yang paling progresif dan berpusatkan insan di Malaysia. Pengiktirafan ini mencerminkan pelaburan konsisten SC dalam pembangunan insan, komitmen terhadap amalan tempat kerja yang saksama dan inklusif, dasar HR yang progresif, ketangkasan dalam menyesuaikan diri dengan keperluan tenaga kerja yang sentiasa berubah terutamanya dalam landskap pasca pandemik, dan budaya organisasinya yang kukuh yang berakar umbi dalam kepercayaan, rasa hormat dan matlamat bersama.

Anugerah ini mengukuhkan falsafah Care Beyond Compliance SC, menunjukkan bahawa kesejahteraan pekerja bukan sekadar dasar, tetapi nilai organisasi yang dihayati.

# JUMLAH PEKERJA : 877 Setakat 31 Disember 2025



**SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA**

**PENYATA KEWANGAN**

**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2025

	Nota	2025 RM'000	2024 RM'000
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, kelengkapan dan peralatan	4	140,463	140,679
Aset tidak ketara	5	16,330	19,720
Aset dengan hak penggunaan	6	7,860	6,746
Penghutang lain	8	787	1,176
Pelaburan lain	9	494,443	498,535
Cukai boleh pulih		11,899	11,943
		<u>671,782</u>	<u>678,799</u>
<b>ASET SEMASA</b>			
Pelaburan lain	9	258,756	306,420
Penghutang dan pelbagai penghutang	10	33,037	31,726
Tunai dan setara tunai	11	121,885	101,623
		<u>413,678</u>	<u>439,769</u>
Aset bukan semasa diklasifikasikan sebagai aset dipegang untuk dijual	12	267	-
		<u>413,945</u>	<u>439,769</u>
<b>JUMLAH ASET</b>		<u>1,085,727</u>	<u>1,118,568</u>
<b>RIZAB</b>			
Rizab dana pampasan	13	100,000	100,000
Lebihan terkumpul		692,107	777,967
<b>JUMLAH RIZAB</b>		<u>792,107</u>	<u>877,967</u>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Manfaat persaraan	14	142,509	123,174
Liabiliti pajakan	15	6,114	4,734
		<u>148,623</u>	<u>127,908</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Liabiliti pajakan	15	3,942	3,662
Pelbagai pemiutang dan akruan	16	135,813	105,222
Kontrak liabiliti	17	5,242	3,809
		<u>144,997</u>	<u>112,693</u>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<u>293,620</u>	<u>240,601</u>
<b>JUMLAH RIZAB DAN LIABILITI</b>		<u>1,085,727</u>	<u>1,118,568</u>

Nota pada muka surat 206 hingga 236 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	Nota	2025 RM'000	2024 RM'000
<b>PENDAPATAN</b>			
Levi		164,821	209,518
Yuran dan caj		23,853	27,472
Yuran pelesenan		4,113	4,132
Yuran pendaftaran		3,304	3,296
Pendapatan kewangan		36,385	36,262
Pendapatan lain		19,272	19,714
	18	<u>251,748</u>	<u>300,394</u>
<b>TOLAK: PERBELANJAAN</b>			
Kos kakitangan	19	242,294	210,062
Perbelanjaan pentadbiran		57,620	53,227
Susut nilai hartanah, kelengkapan dan peralatan	4	11,966	11,429
Pelunasan aset tidak ketara	5	3,916	3,766
Susut nilai aset dengan hak penggunaan	6	699	458
Perbelanjaan sewa		1,497	316
Kos kewangan untuk liabiliti pajakan		367	439
		<u>318,359</u>	<u>279,697</u>
<b>(DEFISIT)/LEBIHAN OPERASI BERSIH</b>		(66,611)	20,697
Tolak: Dana kepada badan-badan bersekutu	20	(2,700)	(6,700)
(Defisit)/Lebih sebelum cukai bagi tahun kewangan	21	<u>(69,311)</u>	<u>13,997</u>
Pencukaian	22	-	-
(Defisit)/Lebih selepas cukai bagi tahun kewangan		(69,311)	13,997
Kerugian komprehensif lain:	23		
Item yang tidak akan dikelaskan semula selepas keuntungan atau kerugian			
Pengukuran semula liabiliti manfaat yang ditentukan	14	<u>(16,549)</u>	<u>(16,110)</u>
Jumlah kerugian komprehensif bagi tahun kewangan		<u>(85,860)</u>	<u>(2,113)</u>

Nota pada muka surat 206 hingga 236 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA PERUBAHAN DALAM RIZAB  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

	<u>Rizab dana pampasan</u>	<u>Lebihan terkumpul</u>	<u>Jumlah</u>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Pada 1 Januari 2024	100,000	780,080	880,080
Lebihan bagi tahun kewangan	-	13,997	13,997
Pengukuran semula liabiliti manfaat yang ditentukan	-	(16,110)	(16,110)
Jumlah kerugian komprehensif bagi tahun kewangan	-	(2,113)	(2,113)
Pada 31 Disember 2024/1 Januari 2025	100,000	777,967	877,967
Defisit bagi tahun kewangan	-	(69,311)	(69,311)
Pengukuran semula liabiliti manfaat yang ditentukan	-	(16,549)	(16,549)
Jumlah kerugian komprehensif bagi tahun kewangan	-	(85,860)	(85,860)
Pada 31 Disember 2025	<u>100,000</u>	<u>692,107</u>	<u>792,107</u>
	Nota 13		

Nota pada muka surat 206 hingga 236 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	Nota	2025 RM'000	2024 RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>			
Lebihan/(Defisit) sebelum cukai		(69,311)	13,997
Pelarasan untuk:			
Susut nilai hartanah, kelengkapan dan peralatan	4	11,966	11,429
Pelunasan aset tidak ketara	5	3,916	3,766
Susut nilai aset dengan hak penggunaan	6	699	458
Untung atas pelupusan hartanah, kelengkapan dan peralatan		49	(198)
Hapus kira hartanah, kelengkapan dan peralatan	4	11	70
Rosot nilai hartanah, kelengkapan dan peralatan	4	-	1,559
Hapus kira aset tidak ketara	5	1,033	802
Rosot nilai aset tidak ketara	5	1,776	3,359
Penarikbalikan liabiliti untuk penyelesaian skim pembelian sukarela bagi manfaat persaraan	14	-	(9,874)
Kenaikan nilai saksama aset kewangan melalui untung rugi		(3,141)	(923)
Pendapatan kewangan		(36,385)	(36,262)
Kos kewangan untuk liabiliti pajakan		367	439
Kos perkhidmatan semasa dan kos faedah atas manfaat persaraan	14	6,966	6,600
<b>DEFISIT OPERASI SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA</b>		<b>(82,054)</b>	<b>(4,778)</b>
Perubahan dalam modal kerja:			
Penghutang dan pelbagai penghutang		(2,508)	(1,692)
Pemiutang lain dan akruan		32,024	9,087
<b>TUNAI (DIGUNAKAN DALAM)/DIPEROLEHI DARIPADA OPERASI</b>		<b>(52,538)</b>	<b>2,617</b>
Cukai dibayar		44	-
Pembayaran manfaat dari manfaat persaraan	14	(4,180)	(4,927)
Penyelesaian skim pembelian sukarela bagi manfaat persaraan	14	-	(118,190)
<b>TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI OPERASI</b>		<b>(56,674)</b>	<b>(120,500)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>			
Kematangan pelaburan dalam Bon Jaminan Kerajaan		-	5,000
Penerimaan amanah saham yang disebut harga		22,016	30,000
Perolehan dalam mandat budi bicara		-	(300,000)
Pergerakan deposit tetap		53,664	105,947
Pendapatan kewangan diterima		17,188	22,435
Hasil daripada pelupusan hartanah, kelengkapan dan peralatan		103	215
Pembelian hartanah, kelengkapan dan peralatan*		(8,513)	(9,824)
Pembelian aset tidak ketarats	5	(3,335)	(8,810)
<b>TUNAI BERSIH DIPEROLEHI DARIPADA/ (DIGUNAKAN DALAM) AKTIVITI PELABURAN</b>		<b>81,123</b>	<b>(155,037)</b>

Nota	2025 RM'000	2024 RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Pembayaran balik liabiliti pajakan**	(4,187)	(3,973)
<b>TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>	<u>(4,187)</u>	<u>(3,973)</u>
<b>PERUBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI</b>	20,262	(279,510)
<b>TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 1 JANUARI</b>	<u>101,623</u>	<u>381,133</u>
<b>TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 31 DISEMBER</b>	<u><u>121,885</u></u>	<u><u>101,623</u></u>

\* Penyesuaian pembayaran tunai untuk perolehan hartanah, kelengkapan dan peralatan kepada penambahan hartanah, kelengkapan dan peralatan dalam tahun kewangan semasa

	2025 RM'000	2024 RM'000
Tunai bersih bagi perolehan hartanah, kelengkapan dan peralatan	8,513	9,824
Tambah:		
Perolehan perkakasan komputer di bawah pajakan kewangan	<u>3,667</u>	<u>2,261</u>
Penambahan dalam tahun kewangan (Nota 4)	<u><u>12,180</u></u>	<u><u>12,085</u></u>

\*\* Penyesuaian liabiliti daripada aktiviti pembiayaan

	2025 RM'000	2024 RM'000
Pada 1 Januari	8,396	9,303
<u>Perubahan bukan tunai</u>		
Penambahan pajakan	5,480	2,627
Kos kewangan untuk liabiliti pajakan	367	439
<u>Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan</u>		
Pembayaran balik liabiliti pajakan	<u>(4,187)</u>	<u>(3,973)</u>
Pada 31 Disember (Nota 15)	<u><u>10,056</u></u>	<u><u>8,396</u></u>

Nota pada muka surat 206 hingga 236 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## NOTA BAGI PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

### 1. MAKLUMAT AM

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) adalah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah *Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993* (SCMA) untuk pengawalseliaan dan pembangunan pasaran modal. SC mempunyai tanggungjawab langsung bagi menyelia dan mengawasi kegiatan institusi pasaran termasuk bursa dan rumah penjelasan, dan mengawal selia setiap individu yang berlesen di bawah *Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007* (CMSA). Alamat SC adalah seperti yang berikut:

3, Persiaran Bukit Kiara,  
Bukit Kiara,  
50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

Penyata kewangan ini diluluskan untuk dikeluarkan oleh Ahli Lembaga pada 29 Januari 2026.

### 2. ASAS PENYEDIAAN

#### (a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan SC telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS).

##### (i) Pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan yang telah dikuatkuasakan

SC telah mengguna pakai pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan yang dinyatakan di bawah buat kali pertama bagi tahun kewangan bermula pada 1 Januari 2025:

- Pindaan ke atas MFRS 121 ‘Kekurangan pertukaran’

##### (ii) Piawaian baharu dan pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan tetapi masih belum dikuatkuasakan

Piawaian baharu, pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan dan penambahbaikan tahunan yang berkuat kuasa bagi tahun kewangan bermula pada dan selepas 1 Januari 2026 dinyatakan di bawah:

- Pindaan ke atas MFRS 9 dan MFRS 7 – ‘Pindaan ke atas Pengelasan dan Pengukuran Instrumen Kewangan’, ‘Pindaan ke atas MFRS 9 dan MFRS 7 Kontrak yang Merujuk kepada Elektrik Bergantung kepada Alam Semula Jadi’ (tarikh kuat kuasa 1 Januari 2026).
- Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS (Pindaan kepada MFRS 1 ‘Penerima Pakai Pertama Kali Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia’, Pindaan kepada MFRS 7 ‘Instrumen Kewangan: Pendedahan’, Pindaan kepada MFRS 9 ‘Instrumen Kewangan’, Pindaan kepada MFRS 10 ‘Penyata Kewangan Disatukan’ dan Pindaan kepada MFRS 107 ‘Penyata Aliran Tunai’) (tarikh kuat kuasa 1 Januari 2026).
- MFRS 18 ‘Pembentangan dan Pendedahan Penyata kewangan’ (tarikh kuat kuasa 1 Januari 2027).
- Pindaan ke atas MFRS 121 ‘Terjemahan kepada Mata Wang Pembentangan Hiperinflasi’ (tarikh kuat kuasa 1 Januari 2027).

Piawaian baharu, pindaan-pindaan ke atas piawaian yang telah diterbitkan dan penambahbaikan tahunan akan diadaptasi pada tarikh kuat-kuasa masing-masing. SC sudah memulakan pentaksiran awal atas kesan piawaian baharu, pindaan-pindaan ke atas piawaian yang telah diterbitkan dan penambahbaikan tahunan dan kesan-kesannya masih dalam taksiran.

**(b) Asas pengukuran**

Penyata kewangan SC disediakan mengikut asas kos sejarah, kecuali yang dinyatakan dalam Nota 3.

**(c) Matawang fungsi dan pembentangan**

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsi SC. Semua maklumat kewangan dinyatakan dalam RM dan dibundarkan kepada nilai ribu terdekat, melainkan dinyatakan sebaliknya.

**(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan**

Penyediaan penyata kewangan dalam pematuhan dengan MFRS memerlukan pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang menjejaskan pemakaian dasar perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Penyemakan anggaran perakaunan dikira dalam tempoh yang anggaran tersebut disemak dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang berkenaan.

Tidak terdapat perkara ketidakpastian ketara pada anggaran dan pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan ke atas amaun yang dikira dalam penyata kewangan kecuali seperti yang berikut:

**(i) Manfaat persaraan**

Peruntukan ini ditentukan dengan penilaian aktuari yang disediakan oleh aktuari bebas. Penilaian aktuari melibatkan andaian mengenai kadar diskaun, kadar inflasi perubatan dan jangka hayat. Oleh itu, jumlah peruntukan anggaran ini tertakluk kepada ketidakpastian yang ketara. Andaian yang digunakan untuk menganggarkan peruntukan adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 14.

**(ii) Mempermodalkan perbelanjaan dalam aset berkaitan teknologi**

SC telah melaksanakan pelan transformasi teknologi yang melibatkan pembelian perkakasan komputer, perisian dan membangunkan aplikasi. Kos pembangunan yang dikaitkan secara langsung untuk penjanaan aset dipermodalkan manakala perbelanjaan semasa peringkat penyelidikan telah dibelanjakan.

**(iii) Anggaran hayat berguna untuk aset yang dikenal pasti**

Sehubungan pelaksanaan pelan transformasi teknologi secara berperingkat, anggaran hayat berguna perkakasan komputer yang baru diperolehi seperti yang dinyatakan dalam Nota 3(b)(iii).

**(iv) Penilaian terhadap rosot nilai aset bukan kewangan**

SC menilai kemerosotan aset bukan kewangan apabila kejadian atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa jumlah aset nilai terkumpul mungkin tidak boleh dipulihkan, iaitu jumlah aset nilai terkumpul tersebut melebihi amaun boleh pulih.

Amaun boleh pulih bagi sesuatu aset diukur pada nilai yang lebih tinggi antara nilai saksama tolak kos jualan (FVLCTS) bagi aset tersebut dan nilai penggunaannya (VIU). VIU adalah nilai sedang digunakan untuk aliran tunai masa depan yang dijangkakan yang diperolehi daripada unit penjanaan tunai (CGU) yang terdiskaun pada kadar yang sesuai.

Aliran tunai masa depan yang dijangkakan adalah berdasarkan penilaian SC terhadap parameter masa depan yang tidak pasti seperti anggaran pertumbuhan pendapatan, kos operasi, kadar

diskaun dan maklumat lain yang tersedia. Penilaian ini adalah berdasarkan rekod sejarah dan jangkaan terhadap peristiwa masa depan yang dipercayai wajar dalam keadaan semasa.

Andaian yang digunakan dan hasil penilaian kemerosotan aset bukan kewangan didedahkan dalam Nota 27.

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL

Maklumat dasar perakaunan material didedahkan dalam nota masing-masing kepada penyata kewangan jika berkaitan.

Dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna secara konsisten dalam tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, dan telah diguna secara konsisten oleh SC, melainkan dinyatakan sebaliknya.

#### (a) Instrumen kewangan

##### (i) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, SC menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Aset kewangan (melainkan jika adalah penghutang perdagangan tanpa komponen pembiayaan penting) atau liabiliti kewangan pada awalnya diukur pada nilai saksama tambah atau tolak, untuk item yang tidak pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan atau terbitannya. Penghutang perdagangan tanpa komponen pembiayaan penting pada awalnya diukur pada harga transaksi.

##### (ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya

###### Aset kewangan

Kategori aset kewangan ditentukan berdasarkan pengiktirafan awal dan tidak dikelaskan semula selepas pengiktirafan awalnya melainkan SC mengubah model perniagaannya untuk menguruskan aset kewangan yang mana semua aset kewangan yang terlibat diklasifikasikan semula pada hari pertama tempoh pelaporan pertama berikutan perubahan daripada model perniagaan. SC mengklasifikasikan aset kewangannya dalam kategori ukuran berikut:

- Kos terlunas; dan
- Nilai saksama melalui untung atau rugi (FVTPL).

###### Kos terlunas

Kategori kos terlunas terdiri daripada instrumen kewangan yang dipegang dalam model perniagaan di mana objektif adalah untuk memegang aset bagi mengumpul aliran tunai kontraktual dan terma kontraknya menimbulkan tarikh tertentu kepada aliran tunai yang semata-mata untuk pembayaran prinsipal dan faedah ke atas jumlah prinsipal yang belum dijelaskan. Berikutan pengiktirafan awal, aset kewangan ini diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah berkesan. Kos yang dilunaskan dikurangkan dengan kerugian kemerosotan nilai. Pendapatan faedah, kemerosotan nilai dan sebarang keuntungan atau kerugian atas pembatalan pengiktirafan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pendapatan kewangan diiktiraf dengan menggunakan kadar faedah berkesan kepada jumlah bawaan kasar kecuali bagi aset kewangan terjejas kredit (lihat Nota 3(g)(i)) di mana kadar faedah berkesan digunakan untuk kos yang dilunaskan.

**Nilai saksama melalui untung rugi (FVTPL)**

Aset kewangan yang tidak memenuhi kriteria untuk kos terlunas atau nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (FVOCI) diukur pada FVTPL.

Pengukuran berikutnya

Perubahan pada nilai saksama pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap yang kemudiannya diukur pada FVTPL diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

Aset kewangan yang ditetapkan pada FVTPL diukur semula pada setiap tarikh pelaporan. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran yang boleh diperhatikan yang disediakan oleh sumber harga bebas.

**Liabiliti kewangan****Kos terlunas**

Liabiliti kewangan tidak dikategorikan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Perbelanjaan faedah adalah diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian atas pembatalan pengiktirafan turut diiktiraf dalam untung atau rugi.

**(iii) Pembatalan pengiktirafan**

Aset kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat tempoh atau aset kewangan telah dipindahkan kepada pihak lain tanpa pengendalian kawalan atau sebahagian besar semua risiko dan manfaat aset tersebut. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan antara nilai dibawa dan jumlah pembayaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperolehi ditolak sebarang liabiliti baru berkait) diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Liabiliti kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, tanggungjawab yang dikhususkan di dalam kontrak telah disempurnakan, dibatalkan atau tamat tempoh. Suatu liabiliti kewangan juga tidak diiktiraf sekiranya terma-termanya diubahsuai dan aliran tunai liabiliti yang diubahsuai adalah sangat berbeza, di mana liabiliti kewangan baharu berdasarkan terma yang diubahsuai diiktiraf pada nilai saksama. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan antara nilai dibawa liabiliti kewangan dipadamkan atau dipindahkan kepada pihak lain dan penjelasan dibayar, termasuk aset bukan tunai dipindah atau liabiliti berkait, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

**(iv) Mengofset**

Aset kewangan dan liabiliti kewangan akan diofset dan jumlah bersih dibentangkan di penyata kewangan kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, SC mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengofset jumlah tersebut, sama ada untuk menyelesaikannya secara bersih atau untuk merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak.

**(b) Hartanah, kelengkapan and peralatan****(i) Pengiktirafan dan pengukuran**

Item hartanah, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada kos tolak apa-apa susut nilai terkumpul dan apa-apa rosot nilai terkumpul.

Kos termasuk perbelanjaan yang secara langsung menyebabkan pemerolehan aset dan apa-apa kos lain yang secara langsung membawa aset kepada keadaan bekerja bagi kegunaan yang dirancang, dan kos merungkai dan menanggalkan item tersebut dan memulihkan tapak tempat ia diletakkan. Perisian yang dibeli yang penting kepada kefungsiannya kelengkapan yang berkaitan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada peralatan tersebut.

Apabila bahagian ketara, jika ada, bagi satu-satu item hartanah, kelengkapan dan peralatan mempunyai hayat berguna yang berbeza, ia dikira sebagai item berasingan (komponen utama) bagi hartanah, kelengkapan dan peralatan.

Keuntungan dan kerugian bagi jualan item hartanah, kelengkapan dan peralatan ditentukan dengan membandingkan hasil daripada jualan dengan amaun bawaan bagi hartanah, kelengkapan dan peralatan dan dikira bersih dalam 'pendapatan lain' dan 'perbelanjaan pentadbiran', masing-masing dalam keuntungan dan kerugian.

**(ii) Kos berikutan**

Kos menggantikan sebahagian daripada unit hartanah, kelengkapan dan peralatan dikira dalam amaun bawaan bagi unit tersebut jika ada manfaat ekonomi akan datang yang berkemungkinan terangkum dalam komponen tersebut, akan mengalir kepada SC dan kosnya dapat diukur dengan pasti. Amaun bawaan bagi komponen yang diganti dibatalkan pengiktirafan dalam keuntungan atau kerugian. Kos penyelenggaraan harian hartanah, kelengkapan dan peralatan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian semasa ia berlaku.

**(iii) Susut nilai**

Susut nilai dikira berdasarkan kos aset tolak nilai bakinya. Komponen ketara aset individu dinilai, dan jika suatu komponen mempunyai hayat berguna yang berbeza daripada baki aset, maka komponen tersebut disusut nilai berasingan.

Susut nilai dikira dalam keuntungan atau kerugian berdasarkan kaedah garis lurus bagi anggaran hayat berguna bagi setiap komponen unit hartanah, kelengkapan dan peralatan dari tarikh ia tersedia untuk digunakan. Hartanah, kelengkapan dan peralatan masih dalam pembinaan tidak disusutnilai sehingga aset tersebut sedia digunakan.

Dalam tahun kewangan semasa, anggaran hayat berguna seperti yang berikut:

Bangunan	50 tahun
Peralatan pejabat, perabut dan kelengkapan	3-10 tahun
Kenderaan bermotor	5 tahun
Komputer dan sistem aplikasi	3-7 tahun

Kaedah susut nilai, tempoh hayat berguna dan nilai baki disemak pada penghujung tempoh pelaporan dan dilaraskan menurut kesesuaian.

**(c) Aset tidak ketara**

**Perisian komputer**

Perisian komputer diukur awal pada kos. Kos yang diiktiraf adalah kos (termasuk kos kakitangan) secara langsung berkaitan dengan perisian boleh dikenal pasti yang dikawal oleh SC yang akan menjana keberangkalian manfaat ekonomi masa depan. Berikutan pengiktirafan awal, perisian komputer diukur pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Termasuk dalam kos perisian komputer ialah kos yang berkaitan dengan pelan transformasi teknologi yang dijalankan oleh SC. Perbelanjaan yang ditanggung semasa peringkat penyelidikan telah dibelanjakan dengan sewajarnya.

Hayat berguna perisian komputer adalah terbatas. Perisian komputer dilunas melebihi anggaran hayat berguna sebanyak tiga sehingga tujuh tahun dan ditaksir untuk rosot nilai bila-bila masa ada tanda-tanda kerosotan nilai.

Tempoh-tempoh pelunasan dan kaedah-kaedah akan disemak sekurang-kurangnya pada setiap akhir tahun kewangan. Perubahan dalam jangkaan hayat berguna atau jangkaan corak penggunaan manfaat ekonomi masa depan sesuatu aset akan dikira melalui pengubahan tempoh-tempoh pelunasan atau kaedah-kaedah, yang sesuai, dan akan dikira sebagai perubahan dalam anggaran perakaunan. Pelunasan perbelanjaan ke atas perisian komputer dengan hayat terbatas akan diiktiraf dalam untung atau rugi. Projek-dalam-proses tidak akan dilunas oleh sebab perisian komputer ini tidak boleh digunakan lagi.

Laba atau rugi yang timbul dari penyahiktirafan perisian komputer akan diukur sebagai perbezaan antara penerimaan pelupusan bersih dan amaun dibawa aset dan akan diiktiraf dalam untung atau rugi semasa aset dinyahiktirafkan.

## (d) Pajakan

### (i) Definisi pajakan

Suatu kontrak adalah, atau mengandungi, suatu pajakan jika kontrak tersebut menyatakan hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti bagi suatu tempoh masa sebagai pertukaran untuk pembayaran. Untuk menilai sama ada suatu kontrak menyatakan hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti, SC menilai sama ada:

- kontrak tersebut melibatkan penggunaan aset yang dikenal pasti – ini boleh dinyatakan dengan khusus sama ada secara jelas atau tidak, dan hendaklah berbeza secara fizikal atau mewakili sebahagian besar keupayaan aset yang berbeza secara fizikal. Jika pembekal mempunyai hak penggantian besar, maka aset itu tidak akan dikenal pasti;
- sebagai pemajak, SC mempunyai hak untuk memperoleh sebahagian besar manfaat ekonomi melalui penggunaan aset tersebut sepanjang tempoh penggunaan; dan
- sebagai pemajak, SC berhak menentukan penggunaan aset tersebut. SC mempunyai hak ini apabila ia mempunyai hak untuk membuat keputusan yang paling wajar untuk mengubah kaedah dan tujuan aset tersebut digunakan. Dalam kes-kes yang jarang berlaku di mana keputusan tentang kaedah dan tujuan aset tersebut digunakan telahpun ditentukan lebih awal, SC mempunyai hak untuk menentukan penggunaan aset itu jika SC mempunyai hak untuk mengendalikan aset itu; atau SC merekacipta aset dengan cara yang menentukan lebih awal kaedah dan tujuan ia akan digunakan.

Pada permulaan atau penilaian semula kontrak yang mengandungi komponen pajakan, SC memperuntukkan pembayaran dalam kontrak bagi setiap komponen pajakan dan bukan pajakan berdasarkan harga berasingan masing-masing. Walau bagaimanapun, untuk pajakan hartanah di mana SC merupakan pemajak, SC memutuskan untuk tidak memisahkan komponen bukan pajakan dan sebaliknya akan mengira komponen pajakan dan bukan pajakan sebagai komponen pajakan tunggal.

### (ii) Pengiktirafan dan pengukuran awal

#### Sebagai pemajak

SC mengiktiraf aset hak guna dan liabiliti pajakan pada tarikh permulaan kontrak untuk semua pajakan tidak termasuk pajakan atau pajakan jangka pendek yang aset pendasarnya bernilai rendah, memberikan hak untuk mengawal penggunaan sesuatu aset yang dikenal pasti untuk satu tempoh masa.

SC telah memutuskan untuk tidak mengiktiraf aset dengan hak penggunaan dan liabiliti pajakan bagi pajakan jangka pendek yang mempunyai tempoh pajakan 12 bulan atau kurang dan pajakan aset bernilai rendah. SC mengiktiraf pembayaran yang berkaitan dengan pajakan tersebut sebagai perbelanjaan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

(iii) **Pengukuran berikutan**

**Sebagai pemajak**

Aset dengan hak penggunaan kemudiannya disusut nilai dengan menggunakan kaedah garis lurus dari tarikh permulaan hingga tarikh awal penghujung hayat guna aset dengan hak penggunaan atau penghujung tempoh pajakan. Anggaran hayat guna aset dengan hak penggunaan ditentukan mengikut asas yang sama seperti hartanah, kelengkapan dan peralatan dan aset tidak ketara. Di samping itu, aset dengan hak penggunaan dikurangkan secara berkala oleh kerugian rosot nilai, jika ada, dan diselaraskan untuk penilaian semula liabiliti pajakan tertentu.

Jika pajakan memindahkan pemilikan aset asas kepada SC menjelang akhir tempoh pajakan atau jika kos aset hak guna menunjukkan bahawa SC akan melaksanakan pilihan pembelian, SC menyusut nilai aset hak guna dari tarikh permulaan sehingga akhir hayat berguna aset pendasar. Jika tidak, SC menyusut nilai aset hak guna dari tarikh permulaan sehingga berakhirnya hayat berguna aset hak guna atau tamat tempoh pajakan, yang mana lebih awal.

Liabiliti pajakan pada mulanya diukur pada nilai semasa pembayaran pajakan yang tidak dibayar pada tarikh tersebut. Bayaran pajakan didiskaun menggunakan kadar pinjaman tambahan SC. Selepas pengiktirafan awal, SC mengukur liabiliti pajakan dengan meningkatkan jumlah bawaan untuk menggambarkan faedah ke atas liabiliti pajakan, mengurangkan jumlah bawaan untuk menggambarkan pembayaran pajakan yang dibuat, dan mengukur semula jumlah bawaan untuk menggambarkan sebarang penilaian semula atau pengubahsuaian pajakan.

**(e) Tunai dan setara tunai**

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki dan simpanan di bank yang mempunyai risiko tidak ketara dalam perubahan nilai saksama dengan kematangan asal tiga bulan atau kurang, dan digunakan oleh SC dalam pengurusan komitmen jangka pendeknya.

Termasuk dalam deposit di bank berlesen adalah jumlah terpelihara yang dipegang atas nama industri broker saham, deposit sekuriti broker dan agensi kerajaan atau dana.

**(f) Aset bukan semasa diklasifikasikan sebagai aset dipegang untuk dijual**

Aset bukan semasa diklasifikasikan sebagai aset dipegang untuk dijual apabila nilai bawaan dijangka akan diperolehi melalui transaksi penjualan dimana kebarangkalian penjualan tersebut dianggap tinggi. Aset tersebut dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara nilai bawaan dan nilai saksama tolak kos untuk menjual, sekiranya pemulihan nilai bawaan adalah melalui penjualan dan bukannya penggunaan berterusan serta kebarangkalian penjualan tersebut dianggap sangat tinggi.

**(g) Rosot nilai**

**(i) Aset kewangan**

SC mengiktiraf elaun kerugian yang dijangka kerugian kredit ke atas aset kewangan yang diukur pada kos yang dilunaskan. Kerugian kredit yang dijangkakan adalah anggaran wajar kerugian kredit.

SC mengukur elaun kerugian pada jumlah yang sama dengan jangkaan kerugian kredit sepanjang hayat, kecuali Sekuriti Kerajaan Malaysia berasaskan prinsip Islam dan Bon Jaminan Kerajaan yang ditentukan untuk mempunyai risiko kredit yang rendah pada tarikh laporan, tunai dan

setara tunai yang mana risiko kredit tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal, yang mana diukur pada jangkaan kerugian kredit selama 12 bulan. Elaun rugi bagi penghutang perdagangan sentiasa diukur pada jumlah yang sama dengan kerugian kredit yang dijangkakan sepanjang hayat.

Apabila menentukan sama ada risiko kredit aset kewangan meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal dan apabila menganggarkan kerugian kredit yang dijangkakan, SC menimbangkan maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai yang relevan dan tersedia tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Ini termasuk maklumat dan analisis kuantitatif dan kualitatif, berdasarkan pengalaman sejarah SC dan penilaian kredit yang dimaklumkan dan termasuk maklumat berpandangan ke hadapan, jika ada.

Kerugian kredit yang dijangkakan sepanjang hayat adalah kerugian kredit yang dijangkakan yang disebabkan oleh semua kemungkinan peristiwa ingkar sepanjang jangkaan hayat aset tersebut, manakala kerugian kredit dijangka selama 12 bulan adalah sebahagian daripada kerugian kredit yang dijangkakan yang terhasil daripada peristiwa lalai yang mungkin dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan. Tempoh maksimum yang dipertimbangkan apabila menganggarkan kerugian kredit yang dijangkakan adalah tempoh kontrak maksimum yang mana SC terdedah kepada risiko kredit.

SC menganggarkan kerugian kredit yang dijangkakan pada penghutang perdagangan dengan menggunakan matriks peruntukan dengan merujuk kepada pengalaman kerugian kredit sejarah.

Kerugian rosot nilai berkaitan dengan aset kewangan yang diukur pada kos pelunasan diiktiraf dalam untung atau rugi dan amaun dibawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

Pada setiap tarikh pelaporan, SC menilai sama ada aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan adalah kredit terjejas. Aset kewangan adalah kredit terjejas apabila satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan buruk terhadap anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan telah berlaku.

Jumlah bawaan kasar aset kewangan dihapus kira (sama ada sebahagian atau penuh) setakat bahawa tiada prospek pemulihan realistik. Ini biasanya berlaku apabila SC menentukan bahawa penghutang tidak mempunyai aset atau sumber pendapatan yang boleh menghasilkan aliran tunai yang mencukupi untuk membayar balik jumlah yang tertakluk kepada penolakan itu. Walau bagaimanapun, aset kewangan yang dihapuskan masih boleh tertakluk kepada aktiviti penguatkuasaan untuk mematuhi prosedur SC untuk pemulihan jumlah yang perlu dibayar.

Semua aset kewangan, kecuali aset yang dinilai saksama melalui untung atau rugi tertakluk kepada rosot nilai.

**(ii) Aset bukan kewangan**

Nilai bawaan aset bukan kewangan disemak pada penghujung setiap tempoh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat apa-apa tanda rosot nilai. Jika tanda-tanda tersebut wujud, maka nilai boleh pulih aset dianggarkan.

Untuk menguji rosot nilai, aset dikelompokkan ke dalam kelompok kecil yang menjana aliran masuk tunai daripada penggunaan berterusan yang sebahagian besarnya tidak bergantung pada aliran masuk tunai aset lain atau unit penjanaan tunai. Nilai boleh pulih satu-satu aset atau unit penjanaan tunai adalah nilainya yang lebih besar dalam penggunaan dan nilai saksamanya tolak kos pelupusan. Semasa menaksir nilai dalam penggunaan, aliran tunai akan datang yang dianggarkan diturunkan kepada nilai semasanya dengan menggunakan kadar penurunan sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai mata wang dan risiko khusus kepada aset atau unit penjanaan tunai.

**(h) Hasil**

Hasil diukur berdasarkan pertimbangan yang ditentukan dalam kontrak dengan pelanggan sebagai pertukaran untuk memindahkan perkhidmatan kepada pelanggan, tidak termasuk jumlah yang dikutip bagi pihak ketiga. SC mengiktiraf hasil apabila (atau sebagai) ia memindahkan kawalan ke atas perkhidmatan kepada pelanggan. Aset dipindahkan apabila (atau sebagai) pelanggan memperoleh kawalan aset tersebut.

SC memindahkan kawalan ke atas sesuatu barang atau perkhidmatan pada satu-satu masa kecuali satu daripada kriteria masa lampau dipenuhi:

- (a) pelanggan secara serentak menerima dan menggunakan manfaat yang disediakan oleh SC;
- (b) prestasi SC mewujudkan atau menambah aset yang dikawal oleh pelanggan sebagai aset dicipta atau dipertingkatkan; atau
- (c) prestasi SC tidak mewujudkan aset dengan penggunaan alternatif dan SC mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan untuk pembayaran untuk prestasi yang disempurnakan setakat ini.

**(i) Levi**

Levi sebagai peratusan daripada pertimbangan atas setiap pembelian dan jualan sekuriti yang direkodkan di Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa) berkaitan kelas sekuriti yang berlainan seperti yang dinyatakan dalam seksyen 24 SCMA dan Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Levi ke atas Urus Niaga Sekuriti) (Pindaan) 2009.

SC memperakui levi daripada Bursa sebagai pendapatan pada suatu masa secara terakru.

**(ii) Yuran dan caj**

SC mencatatkan yuran dan caj sebagai pendapatan dari masa ke masa apabila perkhidmatan dilaksanakan. SC merekodkan yuran dan caj yang diterima terdahulu sebagai suatu liabiliti.

**(iii) Yuran pelesenan**

Yuran pelesenan diperakui sebagai pendapatan apabila perkhidmatan telah dilaksana dari masa ke semasa. SC merekodkan yuran pelesenan yang diterima terdahulu sebagai suatu liabiliti.

**(iv) Yuran pendaftaran**

Yuran pendaftaran diperakui pada suatu masa apabila pendaftaran juruaudit didaftarkan.

**(i) Pendapatan kewangan**

Pendapatan kewangan diperakui ketika ia terakru dengan menggunakan kaedah faedah efektif dalam keuntungan atau kerugian. Ia terdiri daripada:

- (a) faedah yang diperolehi daripada deposit bank dan sekuriti pendapatan tetap;
- (b) pelunasan premium atau diskaun ke atas pembelian sekuriti pendapatan tetap yang diukur pada kos terlunas.

**(j) Pendapatan lain**

Termasuk dalam pendapatan lain ialah:

- (i) Pendapatan penalti atas juruaudit yang gagal mematuhi apa-apa peruntukan atau syarat yang dikenakan di bawah Bahagian IIIA – Lembaga Pemantauan Audit SCMA. Pendapatan penalti

yang diperakui pada suatu masa menurut seksyen 31Z SCMA di mana AOB mengenakan penalti monetari terhadap juruaudit kerana gagal mematuhi syarat pendaftaran AOB. Amaun penalti adalah terhad dan akan digunakan bagi perancangan dan pelaksanaan program pembinaan keupayaan yang berkaitan dengan profesyen perakaunan dan pengauditan.

- (ii) Pemulihan kos penyiasatan dan tindakan undang-undang yang diiktiraf pada suatu masa. Menurut CMSA Seksyen 200 dan 201, SC dibenarkan boleh pulih amaun dari seseorang yang melanggar CMSA Seksyen 175, 176, 177, 178, 179 dan 181 dan juga 188 di mana sebarang amaun dipulih oleh SC boleh mula-mula sekali dibayar ganti kepada SC untuk semua kos penyiasatan dan tindakan undang-undang berkenaan dengan pelanggaran.
- (iii) Sisa jumlah yang diiktiraf pada suatu masa di mana CMSA Seksyen 200 dan 201 menyatakan sampai satu tahap sebarang amaun yang diperolehi tidak diagihkan kepada orang-orang yang mengalami kerugian atau kerosakan akibat pelanggaran undang-undang, jumlah tersebut hendaklah samada dibayar kepada Capital Market Compensation Fund atau disimpan oleh SC untuk membiayai kos pembangunan dan pemudahan program pendidikan untuk pelabur pasaran modal dan profesional atau kos mengawal selia pasaran modal, dengan kelulusan Menteri Kewangan.
- (iv) Untuk keuntungan/kerugian bersih ke atas aset kewangan bagi FVTPL, perubahan dalam nilai saksama atau pelupusan aset kewangan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ia timbul.

#### **(k) Manfaat kakitangan**

##### **(i) Manfaat kakitangan jangka pendek**

Obligasi manfaat kakitangan jangka pendek berhubung dengan gaji, bonus tahunan, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau Skim Persaraan Swasta (PRS) diukur secara tidak terdiskaun dan dikira sebagai perbelanjaan bagi perkhidmatan berkaitan yang diberikan.

Liabiliti diiktiraf bagi amaun yang jangka akan dibayar jika SC mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif semasa untuk membayar amaun ini disebabkan oleh perkhidmatan lampau yang diberikan oleh kakitangan dan obligasi tersebut dapat dianggar dengan andal.

##### **(ii) Pelan manfaat wajib**

###### **Manfaat persaraan**

SC memperuntukkan manfaat perubatan persaraan kepada kakitangan yang layak, yang diambil bekerja sebelum 1 Januari 2003.

Obligasi SC dalam pelan manfaat wajib ini dikira dengan menganggar amaun manfaat akan datang yang berhak diterima oleh kakitangan dalam tempoh semasa dan sebelumnya dan mendiskaun amaun tersebut.

Pengiraan obligasi manfaat wajib dilaksanakan oleh aktuari bertauliah bebas dengan menggunakan kaedah unjuran kredit unit. Apabila pengiraan terima menunjukkan potensi aset bagi SC, aset yang dikira dihadkan kepada nilai semasa manfaat ekonomi yang ada dalam bentuk apa-apa pulangan masa depan daripada pelan atau pengurangan dalam sumbangan masa depan kepada pelan tersebut. Untuk mengira nilai semasa manfaat ekonomi, perhatian diberikan kepada mana-mana keperluan pendanaan minimum yang terpakai.

Pengukuran semula liabiliti manfaat wajib bersih, yang terdiri daripada laba dan kerugian aktuari, dikira terus dalam pendapatan komprehensif lain. SC menentukan perbelanjaan atau pendapatan faedah bersih bagi liabiliti wajib bersih atau aset bagi tempoh tersebut dengan menggunakan kadar penurunan yang digunakan untuk mengukur obligasi manfaat wajib pada permulaan tempoh tahunan bagi liabiliti manfaat wajib atau aset bersih, dengan mengambil kira apa-apa

perubahan dalam liabiliti manfaat wajib atau aset bersih dalam tempoh tersebut sebagai bayaran caruman dan manfaat.

Kos dan perbelanjaan berhubung dengan pelan manfaat wajib dikira dalam keuntungan atau kerugian.

Apabila manfaat satu-satu pelan diubah atau apabila satu-satu pelan dipendekkan, perubahan dalam manfaat yang berkait dengan perkhidmatan lampau atau laba atau kerugian daripada pemendekan tersebut dikira terus dalam keuntungan atau kerugian. SC mengira laba dan keuntungan dalam penyelesaian pelan manfaat wajib apabila penyelesaian berlaku

### **(l) Cukai tertunda**

Cukai tertunda dikira menggunakan kaedah liabiliti, memperuntukkan perbezaan sementara antara jumlah aset dan liabiliti bagi tujuan percukaian dan amaun bawaannya dalam penyata kewangan. Cukai tertunda tidak dikira sekiranya ia timbul daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga yang ketika ia berlaku, tidak memberi kesan kepada perakaunan atau keuntungan bercukai.

Cukai tertunda diukur melalui kadar cukai (undang-undang percukaian) yang telah digubal atau sebahagian besarnya telah digubal menjelang penghujung tempoh pelaporan dan dijangka diguna pakai apabila aset cukai tertunda yang berkaitan diiktiraf atau liabiliti cukai tertunda diselesaikan.

Aset cukai tertunda diiktiraf berdasarkan berkemungkinan terdapat keuntungan boleh cukai yang tersedia di mana perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai tidak digunakan atau kredit cukai tidak digunakan, boleh digunakan.

Cukai tertunda diiktiraf dalam untung atau rugi, kecuali apabila ia timbul daripada urus niaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, di mana cukai tertunda juga dicajkan atau dikreditkan terus kepada ekuiti.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diofset apabila aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda berkaitan dengan cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa percukaian yang sama ke atas sama ada entiti bercukai atau entiti bercukai yang berbeza di mana wujud hasrat untuk menyelesaikan baki secara bersih.

### **(m) Dana kepada badan-badan bersekutu**

SC memperuntukkan dana kepada badan-badan bersekutu yang layak untuk menceburi aktiviti pasaran modal. Geran diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila pembayaran telah dibuat.

### **(n) Peruntukan**

Peruntukan diiktiraf semasa SC mempunyai kewajipan semasa (undang-undang atau konstruktif) akibat daripada peristiwa lampau, ianya berkemungkinan aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut, dan amaunnya boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan tidak diiktiraf untuk kerugian kendalian masa hadapan. Apabila ada sejumlah kewajipan serupa, kemungkinan aliran keluar diperlukan dalam penyelesaian yang ditentukan dengan mempertimbangkan kelas kewajipan secara keseluruhan. Peruntukan diiktiraf walaupun kemungkinan aliran keluar berkenaan dengan satu item yang termasuk dalam kelas kewajipan yang sama mungkin kecil.

Peruntukan diukur pada anggaran terbaik (termasuk risiko dan ketidakpastian) perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan semasa dan mencerminkan nilai semasa perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan di mana nilai masa wang adalah material.

**(o) Pengukuran nilai saksama**

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual sesuatu aset atau harga yang dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam transaksi secara tertib antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran tersebut menganggap bahawa transaksi untuk menjual aset tersebut atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada dalam pasaran utama atau jika ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran paling berfaedah.

Bagi aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset dalam kegunaan tertinggi dan terbaiknya atau menjualnya kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut dalam kegunaan tertinggi dan terbaiknya.

Semasa mengukur nilai saksama aset atau liabiliti, setakat yang mungkin, SC menggunakan data pasaran boleh cerap. Nilai saksama dikategorikan ke dalam peringkat berbeza dalam hierarki nilai saksama berdasarkan input yang digunakan dalam teknik penilaian seperti yang berikut:

- Tahap 1: harga sebutan (tak terlaras) dalam pasaran aktif untuk aset atau liabiliti serupa yang boleh diakses oleh SC pada tarikh pengukuran.
- Tahap 2: input selain harga sebutan terangkum dalam Tahap 1 yang boleh dicerap bagi aset atau liabiliti tersebut, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- Tahap 3: input tak boleh cerap bagi aset atau liabiliti.

SC mengiktiraf pemindahan antara tahap hierarki nilai saksama pada tarikh peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menyebabkan pemindahan.

**4. HARTANAH, KELENGKAPAN DAN PERALATAN**

	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan RM'000	Perkakasan komputer RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Kerja modal dalam pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
<b>Kos</b>						
Pada 1 Januari 2024	232,162	110,612	20,400	1,792	136	365,102
Penambahan	-	473	2,330	1,706	7,576	12,085
Pelupusan	-	(384)	(24)	(965)	-	(1,373)
Hapus kira	-	-	-	-	(70)	(70)
Klasifikasi semula daripada aset tidak ketara	-	-	593	-	-	593
Pemindahan kepada/(daripada)	-	6,152	213	-	(6,365)	-
Pada 31 Disember 2024/ 1 Januari 2025	232,162	116,853	23,512	2,533	1,277	376,337
Penambahan	-	1,029	686	201	10,264	12,180
Pelupusan	-	(501)	(1,595)	(387)	-	(2,483)
Hapus kira	-	(14,930)	(352)	-	(11)	(15,293)
Klasifikasi semula kepada aset bukan semasa diklasifikasikan sebagai aset dipegang untuk dijual	(508)	-	-	-	-	(508)
Pemindahan kepada/(daripada)	-	7,666	-	-	(7,666)	-
Pada 31 Disember 2025	231,654	110,117	22,251	2,347	3,864	370,233

	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan RM'000	Perkakasan komputer RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Kerja modal dalam pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
<u>Tolak: Susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul</u>						
Pada 1 Januari 2024						
Susut nilai terkumpul	113,855	98,768	9,236	1,566	-	223,425
Rosot nilai terkumpul	109	-	-	-	-	109
	113,964	98,768	9,236	1,566	-	223,534
Susut nilai bagi tahun kewangan	4,643	2,694	3,788	304	-	11,429
Klasifikasi semula daripada aset tidak ketara	-	-	492	-	-	492
Pelupusan	-	(371)	(20)	(965)	-	(1,356)
Hapus kira	-	-	1,559	-	-	1,559
Pada 31 Disember 2024/ 1 Januari 2025						
Susut nilai terkumpul	118,498	101,091	13,496	905	-	233,990
Rosot nilai terkumpul	109	-	1,559	-	-	1,668
	118,607	101,091	15,055	905	-	235,658
Susut nilai bagi tahun kewangan	4,642	3,701	3,248	375	-	11,966
Klasifikasi semula kepada aset bukan semasa diklasifikasikan sebagai aset dipegang untuk dijual	(241)	-	-	-	-	(241)
Pelupusan	-	(490)	(1,594)	(247)	-	(2,331)
Hapus kira	-	(14,930)	(352)	-	-	(15,282)
Pada 31 Disember 2025						
Susut nilai terkumpul	122,899	89,372	14,798	1,033	-	228,102
Rosot nilai terkumpul	109	-	1,559	-	-	1,668
	123,008	89,372	16,357	1,033	-	229,770
<u>Amaun bawaan</u>						
Pada 1 Januari 2024	118,198	11,844	11,164	226	136	141,568
Pada 31 Disember 2024/ 1 Januari 2025	113,555	15,762	8,457	1,628	1,277	140,679
Pada 31 Disember 2025	108,646	20,745	5,894	1,314	3,864	140,463

Penilaian rosot nilai telah dilakukan seperti yang dinyatakan dalam Nota 27.

## 5. ASET TIDAK KETARA

	<u>Perisian komputer</u> RM'000	<u>Kerja modal dalam pelaksanaan</u> RM'000	<u>Jumlah</u> RM'000
<b><u>Kos</u></b>			
Pada 1 Januari 2024	32,064	10,293	42,357
Penambahan	-	8,810	8,810
Hapus kira	-	(802)	(802)
Pemindahan kepada/(daripada)	4,460	(4,460)	-
Klasifikasi semula kepada hartanah, kelengkapan dan peralatan	(593)	-	(593)
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Disember 2024/1 Januari 2025	35,931	13,841	49,772
Penambahan	-	3,335	3,335
Hapus kira	(32)	(1,033)	(1,065)
Pemindahan kepada/(daripada)	1,025	(1,025)	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Disember 2025	36,924	15,118	52,042
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
<b><u>Tolak: Pelunasan terkumpul dan rosot nilai terkumpul</u></b>			
Pada 1 Januari 2024			
Pelunasan terkumpul	23,419	-	23,419
Rosot nilai terkumpul	-	-	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	23,419	-	23,419
Pelunasan bagi tahun kewangan	3,766	-	3,766
Klasifikasi semula kepada hartanah, kelengkapan dan peralatan	(492)	-	(492)
Rosot nilai	-	3,359	3,359
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Disember 2024/1 Januari 2025			
Pelunasan terkumpul	26,693	-	26,693
Rosot nilai terkumpul	-	3,359	3,359
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	26,693	3,359	30,052
Pelunasan bagi tahun kewangan	3,916	-	3,916
Hapus kira	(32)	-	(32)
Rosot nilai	-	1,776	1,776
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Disember 2025			
Pelunasan terkumpul	30,577	-	30,577
Rosot nilai terkumpul	-	5,135	5,135
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	30,577	5,135	35,712
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
<b><u>Amaun bawaan</u></b>			
Pada 1 Januari 2024	8,645	10,293	18,938
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Disember 2024/1 Januari 2025	9,238	10,482	19,720
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Disember 2025	6,347	9,983	16,330
	<hr/>	<hr/>	<hr/>

Penilaian rosotnilai telah dilakukan seperti yang dinyatakan dalam Nota 27.

## 6. ASET DENGAN HAK PENGGUNAAN

	Tanah pegangan pajakan RM'000	Bangunan RM'000	Perkakasan komputer RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Peralatan pejabat RM'000	Jumlah RM'000
<b>Kos</b>						
Pada 1 Januari 2024	9,154	179	549	-	-	9,882
Penambahan	-	94	272	-	-	366
Pada 31 Disember 2024/1 Januari 2025	9,154	273	821	-	-	10,248
Penambahan	-	92	260	1,129	332	1,813
Pada 31 Disember 2025	9,154	365	1,081	1,129	332	12,061
<b>Tolak: Pelunasan terkumpul</b>						
Pada 1 Januari 2024	2,679	90	275	-	-	3,044
Susut nilai	92	92	274	-	-	458
Pada 31 Disember 2024/1 Januari 2025	2,771	182	549	-	-	3,502
Susut nilai	92	51	281	220	55	699
Pada 31 Disember 2025	2,863	233	830	220	55	4,201
<b>Amaun bawaan</b>						
Pada 1 Januari 2024	6,475	89	274	-	-	6,838
Pada 31 Disember 2024/1 Januari 2025	6,383	91	272	-	-	6,746
Pada 31 Disember 2025	6,291	132	251	909	277	7,860

SC memajak dua tanah pajakan bagi tempoh 99 tahun yang akan tamat pada 2094 dan 2096, masing-masing.

Penilaian rosotnilai telah dilakukan seperti yang dinyatakan dalam Nota 27.

## 7. ASET CUKAI TERTUNDA

Dalam tahun kewangan terdahulu, SC telah diberikan pengecualian cukai selama 5 tahun dari Tahun Taksiran (TT) 2022 sehingga TT 2026. Oleh itu, penggunaan elaun modal yang tidak diserap dan kerugian cukai yang tidak digunakan terhadap pendapatan perniagaan SC adalah tidak pasti.

Jumlah elaun modal tidak diserap dan kerugian cukai tidak digunakan yang mana tiada aset cukai tertunda diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan adalah seperti berikut:

	<b>2025</b> <b>RM'000</b>	<b>2024</b> <b>RM'000</b>
Elaun modal tidak diserap	69,707	56,188
Kerugian cukai tidak digunakan	148,418	146,880
	<u>218,125</u>	<u>203,068</u>
Aset cukai tertunda tidak diiktiraf di 24% (2024: 24%)	<u>52,350</u>	<u>48,736</u>

Kerugian cukai tidak digunakan sebanyak RM148.4 juta (2024: RM146.9 juta) akan tamat dalam TT berikut:

<u>TT</u>	<b>2025</b> <b>RM'000</b>	<b>2024</b> <b>RM'000</b>
2028	11,060	11,060
2033	44,474	44,474
2034	91,346	91,346
2035	1,538	-
	<u>148,418</u>	<u>146,880</u>

## 8. PENGHUTANG LAIN

	<b>2025</b> <b>RM'000</b>	<b>2024</b> <b>RM'000</b>
Pembiayaan kepada kakitangan	1,215	1,947
Tolak: Keuntungan belum diperoleh		
– Pembiayaan cara Islam untuk rumah dan kereta	(26)	(41)
	<u>1,189</u>	<u>1,906</u>
Tolak: Amaun dijangka dalam tempoh 12 bulan (Nota 10)	(402)	(730)
	<u>787</u>	<u>1,176</u>

Kadar dan tempoh pembiayaan kakitangan adalah seperti berikut:

	<u>Kadar tahunan</u>	<u>Tempoh maksimum pembayaran</u>
Pinjaman perumahan kewangan Islam dan konvensional	2%	25 tahun
Pinjaman kenderaan kewangan Islam dan konvensional	4%	7 tahun
Pinjaman pelajaran	-	5 tahun
Pinjaman komputer	-	4 tahun

Pembiayaan perumahan dan kenderaan bermotor cara Islam dan konvensional dijamin atas hartanah tanah dan kenderaan bermotor peminjam, masing-masing. SC menganggap kebarangkalian mungkir sebagai terencil kerana kedua-dua pembiayaan adalah dicagarkan, seperti yang diterangkan dalam Nota 26.3(c).

Struktur kematangan bagi pembiayaan kepada kakitangan pada penghujung tahun kewangan adalah seperti berikut:

	<u>2025 RM'000</u>	<u>2024 RM'000</u>
Dalam masa 1 tahun	402	730
Lebih daripada 1 tahun dan sehingga 5 tahun	691	970
Lebih daripada 5 tahun	96	206
	<u>1,189</u>	<u>1,906</u>

## 9. PELABURAN LAIN

	<u>Bukan semasa</u>		<u>Semasa</u>		<u>Jumlah</u>	
	<u>2025 RM'000</u>	<u>2024 RM'000</u>	<u>2025 RM'000</u>	<u>2024 RM'000</u>	<u>2025 RM'000</u>	<u>2024 RM'000</u>
<u>Nilai saksama melalui untung atau rugi</u>						
– Pelaburan dalam unit amanah yang disebut harga	112,189	128,334	-	-	112,189	128,334
– Pelaburan dalam mandat budi bicara	332,316	314,268	-	-	332,316	314,268
<u>Kos terlunas</u>						
– Sekuriti Kerajaan Malaysia berasaskan prinsip Islam dan bon jaman kerajaan	49,938	49,933	-	-	49,938	49,933
– Deposit di bank berlesen	-	6,000	258,756	306,420	258,756	312,420
	<u>494,443</u>	<u>498,535</u>	<u>258,756</u>	<u>306,420</u>	<u>753,199</u>	<u>804,955</u>

Termasuk dalam deposit di bank berlesen adalah jumlah terpelihara untuk merancang dan melaksanakan program pembinaan kapasiti berhubung dengan profesion perakaunan dan pengauditan sebanyak RM1.5 juta (2024: RM1.9 juta).

Sekuriti Kerajaan Malaysia berasaskan prinsip Islam dan Bon Jaminan Kerajaan, masing-masing akan matang dalam 2029 dan 2038. Hasil purata wajaran hingga matang bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia berasaskan prinsip Islam dan Bon Jaminan Kerajaan ialah 4.59% setahun (2024: 4.59% setahun).

Deposit di bank-bank berlesen mempunyai tempoh kematangan antara 4 bulan hingga 15 bulan (2024: 6 bulan hingga 15 bulan) dan memperoleh pendapatan pada kadar daripada 2.60% hingga 4.00% setahun (2024: 2.50% hingga 4.20% setahun).

## 10. PENGHUTANG DAN PELBAGAI PENGHUTANG

	<b>2025</b> <b>RM'000</b>	<b>2024</b> <b>RM'000</b>
Levi belum terima	16,613	16,665
Pendapatan kewangan belum terima	6,098	8,154
Penghutang lain	3,904	1,077
Deposit	1,212	1,120
Prabayaran	4,808	3,980
Pembiayaan jangka pendek kepada kakitangan (Nota 8)	402	730
	<u>33,037</u>	<u>31,726</u>

## 11. TUNAI DAN SETARA TUNAI

	<b>2025</b> <b>RM'000</b>	<b>2024</b> <b>RM'000</b>
Tunai dan baki di bank	25,911	40,118
Deposit di bank berlesen	95,974	61,505
	<u>121,885</u>	<u>101,623</u>

Deposit di bank berlesen mempunyai tempoh kematangan 1 bulan hingga 3 bulan (2024: 1 bulan) dan memperoleh pendapatan pada kadar daripada 1.80% hingga 3.35% setahun (2024: 2.30% hingga 3.40% setahun).

Termasuk deposit dalam bank-bank berlesen adalah jumlah terpelihara untuk pembangunan industri broker saham berjumlah RM16.6 juta (2024: RM16.1 juta), amaun yang terpelihara bagi deposit sekuriti broker sebanyak RM0.3 juta (2024: RM0.3 juta) dan dana yang dipegang sebagai amanah sebanyak RM55.5 juta (2024: RM45.1 juta).

Tunai dan setara tunai tersebut disimpan di bank berlesen.

## 12. ASET BUKAN SEMASA DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI ASET DIPEGANG UNTUK DIJUAL

Butiran aset bukan semasa diklasifikasikan sebagai aset dipegang untuk dijual adalah seperti berikut:

	2025 RM'000	2024 RM'000
Hartanah, kelengkapan dan peralatan	267	-
	<u>267</u>	<u>-</u>

Pergerakan aset bukan semasa diklasifikasikan sebagai aset dipegang untuk dijual sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2025 RM'000	2024 RM'000
Pada 1 Januari	-	-
Klasifikasi daripada hartanah, kelengkapan dan peralatan (Nota 4)	267	-
	<u>267</u>	<u>-</u>
Pada 31 Disember	<u>267</u>	<u>-</u>

## 13. RIZAB DANA PAMPASAN

Ini mewakili amaun yang diperuntukkan daripada lebih terkumpul bagi Dana Pampasan Pasaran Modal.

## 14. MANFAAT PERSARAAN

Pelan manfaat wajib adalah pelan perubatan persaraan tak berdana yang memberikan manfaat perubatan kepada peserta dan tanggungan mereka yang layak selepas umur persaraan sehingga peserta atau pasangannya meninggal dunia, atau bagi anak tanggungannya sehingga umur 18 atau 24 tahun, sekiranya mereka masih lagi menuntut.

Dengan demikian, kos mutlak pelan tersebut bergantung pada hayat pesara dan tanggungan mereka yang layak, insidens dan kos peristiwa yang mengakibatkan tuntutan di bawah pelan tersebut, dan inflasi bagi kos tersebut pada masa hadapan.

### Pendanaan

Pelan ini tak berdana. Caruman majikan kepada pelan tersebut adalah amaun tuntutan perubatan yang dibayar terus oleh SC. SC menjangka akan membayar sekitar RM3.3 juta bagi caruman kepada pelan manfaat wajibnya dalam 2026..

### Skim pembelian sukarela bagi manfaat persaraan

Dalam tahun kewangan sebelum, Ahli Lembaga telah meluluskan skim pembelian sukarela bagi manfaat persaraan untuk ahli aktif dan pesara faedah pasca pekerjaan yang memilih untuk melepaskan hak masa depan mereka terhadap faedah tersebut sebagai balasan untuk penyelesaian tunai. Ahli Lembaga SC telah meluluskan bayaran sebanyak RM118.2 juta berdasarkan jumlah pemohon yang menandatangani perjanjian pembelian skim tersebut. Penyelesaian ini mengakibatkan penarikbalikan liabiliti sebanyak RM9.9 juta yang diiktiraf dalam penyata untung atau rugi bagi tahun kewangan terdahulu.

### Pergerakan dalam liabiliti manfaat wajib bersih

	<b>2025</b> <b>RM'000</b>	<b>2024</b> <b>RM'000</b>
Liabiliti manfaat wajib bersih 1 Januari	<u>123,174</u>	<u>233,455</u>
<b><u>Terangkum dalam keuntungan atau kerugian</u></b>		
Kos perkhidmatan semasa	1,354	1,306
Kos faedah	5,612	5,294
Penarikbalikan liabiliti untuk penyelesaian skim pembelian sukarela bagi manfaat persaraan	-	(9,874)
	<u>6,966</u>	<u>(3,274)</u>
<b><u>Lain-lain</u></b>		
Manfaat dibayar	(4,180)	(4,927)
Penyelesaian skim pembelian sukarela bagi manfaat persaraan	-	(118,190)
Pengukuran semula obligasi liabiliti ditentukan	<u>16,549</u>	<u>16,110</u>
Liabiliti manfaat ditentukan bersih pada 31 Disember	<u><u>142,509</u></u>	<u><u>123,174</u></u>

### Liabiliti manfaat ditentukan andaian aktuari

Andaian aktuari utama pada penghujung tempoh pelaporan (dinyatakan sebagai purata wajaran):

	<b>2025</b>	<b>2024</b>
Kadar diskaun	4.3%	4.6%
Inflasi kos perubatan	10%, menurun ke 6% dalam 4 tahun	10%, menurun ke 6% dalam 4 tahun
Umur persaraan biasa	<u>60 tahun</u>	<u>60 tahun</u>

Andaian berhubung mortaliti pada masa hadapan adalah berpandukan statistik dan jadual mortaliti yang diterbitkan.

Pada 31 Disember 2025, tempoh purata wajaran bagi obligasi manfaat wajib adalah 17 tahun (2024: 18 tahun).

### Analisis sensitiviti

Analisis sensitiviti adalah berdasarkan kepada perubahan dalam andaian penting sambil mengekalkan semua andaian lain sebagai tetap. Sensitiviti telah dinilai oleh:

	<b><u>Obligasi manfaat wajib</u></b>	
	<b><u>Peningkatan</u></b> <b>RM'000</b>	<b><u>Pengurangan</u></b> <b>RM'000</b>
<b><u>2025</u></b>		
Kadar diskaun (1% pergerakan)	(20,949)	26,364
Kadar inflasi kos perubatan (1% pergerakan)	<u>24,797</u>	<u>(20,094)</u>
<b><u>2024</u></b>		
Kadar diskaun (1% pergerakan)	(18,107)	22,910
Kadar inflasi kos perubatan (1% pergerakan)	<u>21,432</u>	<u>(17,368)</u>

**15. LIABILITI PAJAKAN**

	<b>2025</b> <b>RM'000</b>	<b>2024</b> <b>RM'000</b>
Bukan Semasa	6,114	4,734
Semasa	3,942	3,662
	<u>10,056</u>	<u>8,396</u>

**16. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN**

	<b>2025</b> <b>RM'000</b>	<b>2024</b> <b>RM'000</b>
Dana yang dipegang sebagai amanah	61,016	42,593
Penyelesaian kawal selia	7,520	17,015
Deposit diterima		
– Yuran pelesenan	1,556	1,266
– Yuran pendaftaran	504	672
– Deposit lain	-	5
Akruan	58,255	16,663
Pemiutang lain	6,962	27,008
	<u>135,813</u>	<u>105,222</u>

**17. KONTRAK LIABILITI**

	<b>2025</b> <b>RM'000</b>	<b>2024</b> <b>RM'000</b>
Yuran dan caj	3,749	2,287
Yuran pelesenan	1,493	1,522
	<u>5,242</u>	<u>3,809</u>

Yuran dan caj adalah berkaitan dengan yuran dan caj yang diterima terlebih dahulu untuk cadangan yang dikemukakan kepada SC dan akan diiktiraf sebagai pendapatan apabila obligasi pelaksanaan dipenuhi dari masa ke masa.

Yuran lesen adalah berkaitan dengan yuran lesen tahunan yang dibayar kepada SC terlebih dahulu oleh pemegang lesen dan akan diiktiraf sebagai pendapatan dari masa ke masa pada tarikh ulang tahun pemegang lesen masing-masing.

**18. PENDAPATAN**

	Nota	2025 RM'000	2024 RM'000
Pendapatan	18.1	196,091	244,418
Pendapatan kewangan			
– deposit tetap		12,874	14,237
– bon		2,258	2,386
– unit amanah yang disebut harga		4,957	5,290
– mandat budi bicara		16,296	14,349
Pendapatan lain	18.2	36,385 19,272	36,262 19,714
Jumlah pendapatan		<u>251,748</u>	<u>300,394</u>

**18.1** Jenis barang dan perkhidmatan

Maklumat berikut merupakan urusanniaga SC:

<u>Jenis perkhidmatan</u>	<u>Tempoh pembayaran ketara</u>	<u>Masa pengiktirafan atau kaedah yang digunakan untuk mengiktiraf pendapatan</u>
Levi	30 hari	Pendapatan diperoleh dari Malaysia dan diiktiraf pada suatu masa.
Yuran dan caj	Tidak berkeajaan	Pendapatan diperoleh dari Malaysia dan diiktiraf dari masa ke masa
Yuran pelesenan	Tidak berkeajaan	Pendapatan diperoleh dari Malaysia dan diiktiraf dari masa ke masa
Yuran pendaftaran	Tidak berkeajaan	Pendapatan diperoleh dari Malaysia dan diiktiraf pada suatu masa

**18.2** Jenis pendapatan lain:

<u>Jenis perkhidmatan</u>	<u>Tempoh pembayaran ketara</u>	<u>Masa pengiktirafan atau kaedah yang digunakan untuk mengiktiraf pendapatan</u>
Pendapatan penalti	Tidak berkeajaan	Pendapatan diperoleh dari Malaysia dan diiktiraf pada suatu masa.
Pemulihan kos penyiasatan dan prosiding	Tidak berkeajaan	Pendapatan diperoleh dari Malaysia dan diiktiraf pada suatu masa.
Jumlah sisa	Tidak berkeajaan	Pendapatan diperoleh dari Malaysia dan diiktiraf pada suatu masa.
Untung atau rugi bersih atas aset kewangan FVTPL	Tidak berkeajaan	Untung atau rugi daripada perubahan nilai saksama bagi aset kewangan

**18.3** Jadual di bawah menyediakan maklumat tentang kontrak liabiliti daripada kontrak dengan pelanggan:

	Nota	2025 RM'000	2024 RM'000
Kontrak liabiliti	17	5,242	3,809
Pendapatan yang diiktiraf pada tahun kewangan yang telah dimasukkan ke dalam baki liabiliti kontrak di permulaan tempoh		3,809	5,137

**19. KOS KAKITANGAN**

	2025 RM'000	2024 RM'000
Ganjaran, bonus, perubatan kakitangan, latihan kakitangan dan kerja lebih masa	204,299	179,927
Pelan caruman wajib	29,046	29,521
Manfaat kakitangan lain	1,982	3,888
Manfaat persaraan	6,967	(3,274)
	242,294	210,062

**20. DANA KEPADA BADAN-BADAN BERSEKUTU**

SC menyediakan dana kepada badan-badan bersekutu yang terlibat dalam projek dan program yang menggalakkan, membangunkan dan meningkatkan kekuatan pasaran modal Malaysia. Empat daripada entiti itu adalah pihak berkaitan dengan SC seperti yang dinyatakan dalam Nota 24.

**21. (DEFISIT)/ LEBIHAN SEBELUM CUKAI**

	Nota	2025 RM'000	2024 RM'000
(Defisit)/Lebihan sebelum cukai dicapai selepas mengenakan caj/(mengkredit):			
Ganjaran juruaudit		184	180
Emolumen ahli eksekutif		2,729	3,839
Elaun ahli bukan eksekutif		1,434	1,413
Perbelanjaan sewa:			
Kelengkapan dan peralatan		1,487	316
Susut nilai hartanah, kelengkapan dan peralatan	4	11,966	11,429
Untung atas pelupusan hartanah, kelengkapan dan peralatan		49	(198)
Hapus kira hartanah, kelengkapan dan peralatan	4	11	70
Hapus kira aset tidak ketara	5	1,033	802
Rosot nilai hartanah, kelengkapan dan peralatan	4	-	1,559
Rosot nilai aset tidak ketara	5	1,776	3,359
Kenaikan nilai saksama aset kewangan melalui untung rugi		(3,141)	(923)
Pelunasan aset tidak ketara	5	3,916	3,766
Susut nilai aset dengan hak penggunaan	6	699	458
Kos kewangan untuk liabiliti pajakan		367	439
Pembaikan dan penyelenggaraan		6,059	13,413
Komunikasi dan sumber dalam talian		4,882	5,170
Penarikbalikan liabiliti untuk penyelesaian skim pembelian sukarela bagi manfaat persaraan	14	-	(9,874)

## 22. PENCUKAIAN

SC telah diberikan status pengecualian cukai oleh Kementerian Kewangan untuk TT 2022 sehingga TT 2026.

## 23. KERUGIAN KOMPREHENSIF LAIN

	Sebelum cukai RM'000	Perbelanjaan cukai RM'000	Cukai bersih RM'000
<b><u>2025</u></b>			
Item yang tidak akan dikelaskan semula selepas keuntungan atau kerugian Pengukuran semula liabiliti manfaat yang ditentukan	(16,549)	-	(16,549)
<b><u>2024</u></b>			
Item yang tidak akan dikelaskan semula selepas keuntungan atau kerugian Pengukuran semula liabiliti manfaat yang ditentukan	(16,110)	-	(16,110)

## 24. PIHAK BERKAITAN

### Identiti bagi pihak berkaitan

Untuk tujuan penyata kewangan ini, pihak dianggap berkaitan dengan SC sekiranya SC mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau mengawal bersama pihak atau melaksanakan pengaruh penting ke atas pihak dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau di mana SC dan pihaknya tertakluk kepada kawalan bersama. Pihak yang berkaitan mungkin individu atau entiti lain.

Pihak berkaitan juga termasuk kakitangan pengurusan utama yang ditakrifkan sebagai orang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti SC sama ada secara langsung atau tidak langsung. Imbuan kakitangan pengurusan utama dinyatakan dalam Nota 21 di bawah tajuk 'Emolumen ahli eksekutif'.

- 24.1** SC mempunyai hubungan pihak berkaitan dengan Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti (SIDC), di mana Pengerusi SC juga adalah Pengerusi SIDC dan salah seorang Ahli Lembaga SIDC juga merupakan ahli Pengurusan Kanan dalam SC.

### Transaksi pihak berkaitan yang utama

Transaksi pihak berkaitan utama dengan SIDC ditunjukkan di bawah:

	2025 RM'000	2024 RM'000
Dana kepada SIDC	2,700	4,000
Yuran pengurusan dibayar oleh SIDC	516	516
Latihan dianjurkan oleh SIDC	582	1,073

- 24.2** SC mempunyai hubungan pihak berkaitan dengan Perbadanan Dana Pampasan Pasaran Modal (CMC), di mana CMC telah ditubuhkan dibawah CMSA, SC boleh menyediakan wang kepada CMC seperti yang dinyatakan dalam CMSA Seksyen 159(a), CMC dikehendaki untuk merujuk kepada SC apabila terdapat kejadian gagal membayar oleh Orang yang Berkaitan, CMC dikehendaki untuk mengemukakan laporan kawal selia tahunan dan audit laporan kewangan kepada SC seperti yang dinyatakan oleh peruntukan CMSA, dan salah seorang Ahli Lembaga CMC juga adalah ahli Pengurusan Kanan SC.

**Transaksi pihak berkaitan yang utama**

Transaksi pihak berkaitan utama dengan CMC ditunjukkan di bawah:

	<b>2025</b> <b>RM'000</b>	<b>2024</b> <b>RM'000</b>
Yuran pengurusan dibayar oleh CMC	<u>158</u>	<u>158</u>

- 24.3** SC mempunyai hubungan pihak berkaitan dengan Majlis Promosi Pasaran Modal (CMPC), di mana Pengerusi SC juga adalah Pengerusi CMPC dan salah seorang Ahli Lembaga CMPC juga merupakan ahli Pengurusan Kanan dalam SC.

**Transaksi pihak berkaitan yang utama**

Transaksi pihak berkaitan utama dengan CMPC ditunjukkan di bawah:

	<b>2025</b> <b>RM'000</b>	<b>2024</b> <b>RM'000</b>
Dana kepada CMPC	<u>-</u>	<u>500</u>

- 24.4** SC mempunyai hubungan pihak berkaitan dengan IOSCO Hub Asia Pasifik (Hub), di mana dua Pengarah adalah juga ahli Pengurusan Kanan SC.

**Transaksi pihak berkaitan yang utama**

Transaksi pihak berkaitan utama dengan Hub ditunjukkan di bawah:

	<b>2025</b> <b>RM'000</b>	<b>2024</b> <b>RM'000</b>
Dana kepada Hub	<u>-</u>	<u>200</u>

**25. KOMITMEN MODAL**

Perbelanjaan modal yang ketara dikontrak pada akhir tempoh pelaporan tetapi tidak diiktiraf sebagai liabiliti adalah seperti berikut:

	<b>2025</b> <b>RM'000</b>	<b>2024</b> <b>RM'000</b>
Hartanah, kelengkapan dan peralatan	1,124	7,410
Aset tidak ketara	<u>6,390</u>	<u>12,659</u>

## 26. INSTRUMEN KEWANGAN

### 26.1 Kategori instrumen kewangan

Jadual di bawah memberikan analisis instrumen kewangan yang dikategorikan seperti berikut:

- i. Kos terlunas (AC); dan
- ii. FVTPL

	AC RM'000	FVTPL RM'000	Amaun bawaan RM'000
<b>2025</b>			
<b><u>Aset kewangan</u></b>			
Penghutang jangka panjang	787	-	787
Pelaburan lain	308,694	444,505	753,199
Penghutang dan pelbagai penghutang*	27,017	-	27,017
Tunai dan setara tunai	121,885	-	121,885
	<u>458,383</u>	<u>444,505</u>	<u>902,888</u>
<b><u>Liabiliti kewangan</u></b>			
Pelbagai pemiutang dan akruan*	(133,753)	-	(133,753)
Liabiliti pajakan	(10,056)	-	(10,056)
	<u>(143,809)</u>	<u>-</u>	<u>(143,809)</u>
<b>2024</b>			
<b><u>Aset kewangan</u></b>			
Penghutang jangka panjang	1,176	-	1,176
Pelaburan lain	362,353	442,602	804,955
Penghutang dan pelbagai penghutang*	26,626	-	26,626
Tunai dan setara tunai	101,623	-	101,623
	<u>491,778</u>	<u>442,602</u>	<u>934,380</u>
<b><u>Liabiliti kewangan</u></b>			
Pelbagai pemiutang dan akruan*	(103,279)	-	(103,279)
Liabiliti pajakan	(8,396)	-	(8,396)
	<u>(111,675)</u>	<u>-</u>	<u>(111,675)</u>

\* Kecuali bukan instrumen kewangan

## 26.2 Pengurusan risiko kewangan

SC mempunyai dasar dan garis panduan berkenaan strategi pelaburan menyeluruh dan toleransi ke arah risiko. Pelaburan diurus dengan cara berhemah untuk memastikan dana dikekalkan dan terpelihara.

SC mempunyai pendedahan kepada risiko yang berikut daripada penggunaan instrumen kewangannya:

- Risiko kredit
- Risiko kecairan
- Risiko pasaran
- Risiko harga

## 26.3 Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kepada SC jika pihak berlawanan kepada instrumen kewangan gagal mematuhi obligasi kontraknya. Pendedahan kepada risiko kredit timbul terutamanya daripada ciri-ciri individu setiap pelanggan. Tiada perubahan ketara berbanding dengan tahun sebelumnya.

### Penghutang

*Objektif pengurusan risiko, dasar dan proses bagi menguruskan risiko*

SC mempunyai dasar kredit rasmi dan pendedahan kepada risiko kredit dipantau secara terus-menerus. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit dinyatakan dengan amaun bawaan bagi setiap aset kewangan.

SC mengurus penghutangnya dan mengambil tindakan sewajarnya (termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan undang-undang) untuk memulih baki tertunggak yang panjang. Secara amnya, penghutang akan membayar dalam tempoh 30 hari.

*Pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosot nilai*

SC menggunakan elauan matriks untuk mengukur 'Expected Credit Loss' (ECL) bagi penghutang setiap segmen. Selaras dengan proses pemulihan hutang, invoice yang lewat 90 hari akan dianggap sebagai kredit terjejas.

Jadual berikut memberikan maklumat tentang pendedahan risiko kredit dan ECL bagi penghutang pada 31 Disember 2025.

	<u>Kasar</u> RM'000	<u>Rosot nilai</u> <u>individu</u> RM'000	<u>Bersih</u> RM'000
<b><u>2025</u></b>			
Belum melepasi tarikh luput	27,383	-	27,383
Melepasi tarikh luput 1–30 hari	250	-	250
Melepasi tarikh luput 31–60 hari	46	-	46
Melepasi tarikh luput 61–90 hari	7	-	7
Melepasi tarikh luput 90 hari	118	-	118
	<u>27,804</u>	<u>-</u>	<u>27,804</u>
<b><u>2024</u></b>			
Belum melepasi tarikh luput	27,702	-	27,702
Melepasi tarikh luput 1–30 hari	98	-	98
Melepasi tarikh luput 31–60 hari	2	-	2
	<u>27,802</u>	<u>-</u>	<u>27,802</u>

Penghutang di atas tidak mengiktiraf sebarang peruntukan kerugian kerana sebab utama berikut:

- (a) Bursa tidak memiliki sejarah mungkir dan telah menyerahkan bayaran levi kepada SC dalam jangka waktu yang ditentukan;
- (b) Institusi kewangan dan penerbit hutang tidak mempunyai sejarah mungkir;
- (c) Pembiayaan kakitangan disokong oleh cagaran dalam bentuk hartanah tanah kediaman dan kenderaan motor peminjam dengan nilai saksama masing-masing melebihi hutang tertunggaknya. Nilai saksama hartanah cagaran ini ditentukan menggunakan kaedah perbandingan berdasarkan penilaian profesional.

**Tunai dan setara tunai**

Tunai dan setara tunai disimpan di dalam bank berlesen dan institusi kewangan. Pada akhir tempoh pelaporan, pendedahan maksimum kepada risiko kredit dinyatakan dengan amaun bawaan di penyata kedudukan kewangan.

Bank berlesen dan institusi kewangan mempunyai risiko kredit yang rendah. Sebagai tambahan, beberapa baki bank diinsuranskan oleh agensi kerajaan. SC berpendapat bahawa elaun kerugian tidak material. Oleh itu, ia tidak diperuntukkan.

Pelaburan SC adalah terutamanya dalam simpanan tetap dengan institusi kewangan dan bon yang diluluskan yang diterbitkan oleh Kerajaan dan agensi kerajaan lain.

**Pelaburan dan aset kewangan lain**

*Pendedahan kepada risiko kredit, kualiti kredit dan cagaran*

Pada akhir tempoh pelaporan, SC mempunyai pegangan dalam sekuriti hutang yang diuruskan secara dalaman dengan pegangan dalam terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (GII) dan Bon Terjamin. Selain itu, sekuriti hutang yang diuruskan oleh pengurus dana luaran mempunyai penilaian minimum A dan ke atas, dengan pengawasan oleh Panel Penasihat Pelaburan.

**26.4 Risiko kecairan**

Risiko kecairan adalah risiko yang SC tidak akan dapat memenuhi obligasi kewangannya apabila tiba tarikh luputnya. SC memantau dan mengekalkan aras tunai dan setara tunai yang difikirkan cukup oleh SC untuk membiayai operasinya dan untuk mengurangkan kesan turun naik dalam aliran tunai.

**Analisis kematangan**

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan SC pada penghujung tempoh pelaporan. Tiada kadar faedah berkontrak bagi pelbagai pemiutang lain dan akruan.

	<b><u>Amaun bawaan</u></b> RM'000	<b><u>Aliran tunai berkontrak</u></b> RM'000	<b><u>Bawah 1 tahun</u></b> RM'000	<b><u>Lebih 1 tahun</u></b> RM'000
<b><u>2025</u></b>				
<b><u>Liabiliti kewangan</u></b>				
Pelbagai pemiutang dan akruan*	133,753	133,753	133,753	-
Liabiliti pajakan	10,056	10,768	4,275	6,493
	<u>143,809</u>	<u>144,521</u>	<u>138,028</u>	<u>6,493</u>

	<u>Amaun bawaan</u> RM'000	<u>Aliran tunai berkontrak</u> RM'000	<u>Bawah 1 tahun</u> RM'000	<u>Lebih 1 tahun</u> RM'000
<b>2024</b>				
<b><u>Liabiliti kewangan</u></b>				
Pelbagai pemiutang dan akruan*	103,279	103,279	103,279	-
Liabiliti pajakan	8,396	8,928	3,974	4,954
	<u>111,675</u>	<u>112,207</u>	<u>107,253</u>	<u>4,954</u>

\* Kecuali bukan instrumen kewangan

## 26.5 Risiko pasaran

Risiko pasaran adalah risiko yang mengubah harga pasaran, seperti kadar faedah yang akan mempengaruhi jumlah yang dilaburkan oleh SC dalam deposit tetap, unit amanah yang disebut harga dan mandat budi bicara. Risiko-risiko tersebut akan dinyatakan dalam amaun bawaan aset kewangan tersebut.

### 26.5.1 Risiko kadar faedah

Aset SC yang menanggung faedah terdiri daripada deposit tetap dengan bank dan baki di bank.

Profil kadar faedah instrumen kewangan yang menanggung faedah ketara SC, berdasarkan amaun bawaan pada penghujung tempoh pelaporan adalah:

	<b>2025</b> RM'000	<b>2024</b> RM'000
<b><u>Instrumen kadar tetap</u></b>		
Aset kewangan	<u>404,668</u>	<u>423,858</u>

### **Analisis sensitiviti risiko kadar faedah**

*Analisis sensitiviti nilai saksama bagi instrumen kadar terapung*

SC tidak mempunyai sebarang aset kewangan kadar terapung kos terlunas. Oleh itu, perubahan dalam kadar faedah pada akhir tempoh pelaporan tidak akan menjejaskan untung atau rugi.

### 26.5.2 Risiko harga

Risiko harga timbul daripada pergerakan harga unit amanah yang disebut harga dan mandat budi bicara. Prestasi saham amanah yang disebut harga dan mandat budi bicara sentiasa dikemas kini kepada Pengurusan.

## 26.6 Maklumat nilai saksama

Amaun bawaan tunai dan setara tunai, belum terima jangka pendek dan belum bayar secara munasabah menganggarkan nilai saksamanya disebabkan tempoh jangka pendek instrumen kewangan ini.

Amaun bawaan deposit tetap diandaikan secara munasabah menganggarkan nilai saksamanya.

Jadual di bawah menganalisis instrumen kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama yang mana nilai saksamanya didedahkan, bersama-sama dengan amaun bawaannya ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan.

**Nilai saksama instrumen kewangan  
tidak dibawa pada nilai saksama**

	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000	Amaun bawaan RM'000
<b><u>2025</u></b>					
<b><u>Bukan semasa</u></b>					
<b><u>Aset kewangan</u></b>					
Belum terima jangka panjang Sekuriti Kerajaan Malaysia berasaskan prinsip Islam dan Bon Jaminan Kerajaan	-	-	787	787	787
	-	52,996	-	52,996	49,938
	-	52,996	787	53,783	50,725
<b><u>2024</u></b>					
<b><u>Bukan semasa</u></b>					
<b><u>Aset kewangan</u></b>					
Belum terima jangka panjang Sekuriti Kerajaan Malaysia berasaskan prinsip Islam dan Bon Jaminan Kerajaan	-	-	1,176	1,176	1,176
	-	52,072	-	52,072	49,933
	-	52,072	1,176	53,248	51,109

**Nilai saksama Tahap 1**

Nilai saksama Tahap 1 diperoleh daripada sebut harga tak terlaras dalam pasaran aktif bagi aset kewangan serupa yang entiti tersebut boleh diakses pada tarikh pengukuran.

**Nilai saksama Tahap 2**

Nilai saksama Tahap 2 dianggar dengan menggunakan input selain sebut harga yang terangkum dalam Tahap 1 yang boleh dicerap bagi aset kewangan, sama ada secara langsung atau tak langsung.

**Pindahan antara nilai saksama Tahap 1 dengan Tahap 2**

Tiada pindahan antara nilai saksama Tahap 1 dengan Tahap 2 bagi tahun kewangan semasa (2024: Tahap 1 dengan Tahap 2).

**Nilai saksama Tahap 3**

Nilai saksama Tahap 3 dianggar dengan menggunakan input tak boleh cerap bagi aset kewangan tersebut.

Instrumen kewangan tidak dibawa pada nilai saksama

<u>Jenis</u>	<u>Diskripsi huraian teknik penilaian dan input yang digunakan</u>
Penghutang jangka panjang	Aliran tunai terdiskaun menggunakan kaedah berasaskan kadar peminjaman pasaran semasa.
Instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama	
Pelaburan dalam amanah saham yang disebut harga dikategorikan pada Tahap 1 manakala pelaburan dalam mandat budi bicara dikategorikan pada Tahap 2.	

## 27. PENILAIAN ROSOTNILAI KE ATAS ASET

Dalam tahun kewangan semasa, ujian rosotnilai telah dilakukan ke atas hartanah, kelengkapan dan peralatan, aset tidak ketara dan aset dengan hak penggunaan. Jumlah yang boleh diperolehi semula ditentukan berdasarkan kaedah nilai sedang digunakan (VIU). Andaian utama yang digunakan dalam pengiraan VIU adalah seperti berikut:

	<b>2025</b>	<b>2024</b>
Kadar diskaun	3.49%	3.82%
Kadar pertumbuhan	2.75%	3.00%

Berdasarkan penilaian rosotnilai ini, tiada kerugian rosotnilai diiktiraf dalam tahun kewangan ini.

## 28. PENGURUSAN RIZAB

Objektif pengurusan kewangan SC adalah untuk mengekalkan rizab yang cukup untuk memelihara keupayaan SC melaksanakan kewajipan dan fungsinya secara bebas dan berkesan. Pihak pengurusan memantau komitmen modal jangka panjang untuk memastikan dana yang mencukupi tersedia untuk memenuhi obligasi. Pelaburan SC diurus secara berhemah untuk memastikan dana terpelihara.

## 29. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 ini diberikan kebenaran oleh SC untuk dikeluarkan dan ditandatangani oleh ahli Lembaga SC pada 29 Januari 2026.

## SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA KENYATAAN AHLI LEMBAGA

Pada pendapat para ahli, penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 201 hingga 236 telah disediakan menurut *Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia* dan menurut *Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa* untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia setakat 31 Disember 2025 serta prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Lembaga:



DATO' MOHAMMAD FAIZ BIN MOHAMMAD AZMI  
PENGERUSI



WEE HOE SOON @ GOOI HOE SOON  
AHLI

Kuala Lumpur  
29 Januari 2026

## SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA PERAKUAN BERKANUN

Saya, Nur Fatin binti Abdul Aziz, pegawai utama yang bertanggungjawab di atas pengurusan kewangan dan rekod perakaunan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dengan ikhlas berikrar bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 201 hingga 236 adalah, sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, betul dan saya membuat ikrar ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya itu benar, dan menurut peruntukan-peruntukan *Akta Perakuan Berkanun, 1960*.



NUR FATIN BINTI ABDUL AZIZ  
Pegawai

Ditandatangani dan diikrarkan oleh yang bernama di atas Nur Fatin binti Abdul Aziz, di Kuala Lumpur dalam negeri Wilayah Persekutuan pada 29 Januari 2026.

Di hadapan saya:



220 JALAN TUN SAMBANTHAN  
50470 KUALA LUMPUR

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI LEMBAGA SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA

### Laporan mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

#### ***Apa yang kami telah audit***

Kami telah mengaudit penyata kewangan ditubuhkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2025, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam rizab dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan, termasuk maklumat dasar-dasar perakaunan yang material dan maklumat penjelasan lain, seperti yang dinyatakan pada muka surat 201 hingga 236.

#### ***Pendapat kami***

Pada pendapat kami, penyata kewangan SC memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan SC pada 31 Disember 2025, serta prestasi kewangan dan aliran tunai mereka bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan *Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia* (MFRS) dan *Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa* (IFRS).

#### ***Asas kepada pendapat***

Kami telah melaksanakan audit kami selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan *Piawaian Pengauditan Antarabangsa* (ISA). Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan selanjutnya di perenggan *Tanggungjawab Juruaudit terhadap Pengauditan Penyata Kewangan* di dalam laporan kami.

#### ***Kebebasan dan tanggungjawab etika lain***

Kami adalah bebas daripada SC selaras dengan *Undang-undang Kecil (mengenai Etika Profesional, Tingkah Laku dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia (Undang-undang Kecil)* dan *Kod Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Bebas Antarabangsa)* oleh Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan (Kod IESBA), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain, selaras dengan Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

#### ***Tanggungjawab Ahli-ahli Lembaga terhadap Penyata Kewangan***

Ahli-ahli Lembaga SC bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan SC yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan MFRS dan IFRS. Para Ahli Lembaga SC juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang para Ahli Lembaga SC tentukan sebagai perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan SC yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan SC, para Ahli Lembaga SC bertanggungjawab untuk menilai keupayaan SC untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan, melainkan jika para Ahli Lembaga SC sama ada berhasrat untuk membubarkan SC atau menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik melainkan untuk berbuat demikian.

#### ***Tanggungjawab Juruaudit terhadap Pengauditan Penyata Kewangan***

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan SC secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan,

dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan ISA akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau agregat, sekiranya dijangkakan dengan munasabah boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan ISA, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan professional sepanjang pengauditan. Kami juga:

- Mengetahui dan menilai risiko salah nyata dalam penyata kewangan SC, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat kami. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Mendapat pemahaman mengenai kawalan dalaman yang relevan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman SC.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh para Ahli Lembaga SC.
- Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh para Ahli Lembaga SC dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan SC untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan SC atau, tidak pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat kami akan diubah. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan SC berhenti untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan SC, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan SC mewakili asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa dengan cara yang memberikan gambaran saksama.

Kami berkomunikasi dengan para Ahli Lembaga SC mengenai, antara perkara lain, skop dan tempoh pengauditan yang dirancang dan penemuan audit yang signifikan, termasuk sebarang kelemahan signifikan dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa pengauditan kami.

## Perkara-perkara lain

Laporan ini disediakan khusus untuk para Ahli Lembaga SC, sebagai sebuah badan berkanun dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.

Forvis Mazars PLT  
201706000496 (LLP0010622-LCA)  
AF 001954  
Akauntan Bertauliah

Chong Fah Yow  
03004/07/2026 J  
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur  
29 Januari 2026